# UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## EDISI SEMAKAN

# PENGGAL 74

# PAMPASAN PEKERJA

## SUSUNAN BAB-BAB

Bab

### BAHAGIAN I

### PERMULAAN

1. Gelaran pendek
2. Makna "pekerja"
3. Tafsiran

### BAHAGIAN II

### PAMPASAN PEKERJA KERANA KECEDERAAN

4. Liabiliti majikan terhadap pampasan
5. Pampasan kerana penyakit pekerjaan
6. Pampasan terhad kepada kecederaan yang dialami ketika bekerja
7. Orang yang berhak mendapat pampasan

8. Jumlah pampasan

9. Cara mengira pendapatan

10. Pembahagian pampasan

11. Pampasan hendaklah tidak diserahhak, ditahan atau dicagarkan

12. Notis tuntutan

13. Notis kepada Pesuruhjaya oleh majikan

14. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya apabila menerima notis

15. Pemeriksaan dan rawatan perubatan

16. Hospital yang diluluskan dan hospital khas

17. Kajian semula

18. Penggantian bayaran berkala

19. Pekerja yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam untuk bermastautin di tempat lain

20. Liabiliti dalam hal pekerja yang digaji oleh kontraktor

21. Remedi terhadap majikan dan juga orang lain

22. Kebankrapan majikan

23. Peruntukan-peruntukan khas berkenaan dengan kelasi

24. Penyata mengenai pampasan

25. Membuat kontrak melepaskan hak

26. Pesuruhjaya boleh membayar gaji yang diterima oleh pekerja yang telah mati kepada tanggungan-tanggungan

27. Majikan hendaklah menginsuranskan

28. Penanggung insurans yang diluluskan hendaklah memberi maklumat

BAHAGIAN III

PESURUHJAYA DAN PENIMBANGTARA

29. Pesuruhjaya boleh mengadakan siasatan

30. Merekod persetujuan
31. Kesan kegagalan untuk merekodkan persetujuan
32. Penimbangtara hendaklah memutuskan apabila pihak-pihak gagal mempersetujui
33. Persetujuan hendaklah bebas dari duti setem
34. Kehadiran pihak-pihak
35. Pakar hendaklah membantu penimbangtara
36. Siasatan oleh penimbangtara
37. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya dan penimbangtara
38. Dokumen-dokumen boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding
39. Perintah penimbangtara hendaklah dihantar kepada Pesuruhjaya
40. Kos
41. Kuasa untuk mengemukakan kes
42. Rayuan dari keputusan penimbangtara
43. Penguatkuasaan perintah dan persetujuan
44. Kecederaan yang disebabkan oleh kecuaian majikan, dsb.
45. Penyusunan timbal-balik bagi pembayaran pampasan pekerja
46. Pindaan Jadual
47. Peraturan-peraturan

JADUAL-JADUAL

# AKTA PAMPASAN PEKERJA

5 tahun 1957
S.99/59
7 tahun 1964
13 tahun 1978
S.66/79

**Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang berkenaan dengan pembayaran pampasan kepada pekerja-pekerja kerana kecederaan yang dialami semasa mereka bekerja.**

*Permulaan kuatkuasa : 1hb April 1957*

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

Gelaran pendek

**1.** Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pampasan Pekerja.

Makna "pekerja"

**2.** (1) Dalam Akta ini —

"pekerja", tertakluk kepada proviso ceraian ini, bermakna mana-mana orang yang telah, sama ada sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Akta ini, membuat atau bekerja di bawah suatu kontrak pekerjaan sama ada dengan cara perburuhan kasar ataupun dengan cara lain, sama ada kontrak itu dinyatakan atau tersirat, atau secara lisan atau bertulis, sama ada ganjaran dikira mengikut masa atau mengikut kerja yang dilakukan, dan sama ada mengikut hari, minggu, bulan atau tempoh yang lebih lama ataupun dengan cara lain :

Dengan syarat bahawa orang-orang yang berikut dikecualikan dari takrifan "pekerja" —

(*a*) mana-mana orang yang digaji melainkan dengan cara perburuhan kasar yang pendapatannya dikira menurut peruntukan-peruntukan bab 9, melebihi dari $750 sebulan ;

(*b*) mana-mana orang yang pekerjaannya adalah bersifat sementara dan yang digaji melainkan bagi maksud-maksud perdagangan atau perniagaan

majikan, bukannya seorang yang digaji bagi maksud-maksud sebarang permainan atau riadah dan diambil kerja atau dibayar melalui sesebuah kelab ;

(*c*) mana-mana orang yang menjadi anggota sebarang angkatan bersenjata tempatan yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis ;

(*d*) mana-mana orang yang digaji, atau dipilih untuk digaji, dalam suatu jawatan awam oleh Kerajaan atau oleh mana-mana badan atau pihak berkuasa berkanun sebelum tarikh Akta ini mula berkuatkuasa jika, akibat dari kecederaan yang dialami oleh mana-mana orang itu dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, suatu pencen atau baksis yang tidak akan kena dibayar sekiranya kecederaan itu dialami adalah dengan cara lain dibayar kepadanya atau, dalam hal kematiannya, kepada mana-mana tanggungannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta ini, di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya yang memperuntukkan pemberian pencen atau baksis itu ;

(*e*) seseorang pekerja luar ;

(*f*) mana-mana anggota keluarga majikan yang tinggal bersamanya di rumahnya ;

(*g*) mana-mana golongan orang yang mungkin diisytiharkan dengan perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat bukan sebagai pekerja bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Jika dalam sebarang prosiding bagi mendapatkan kembali pampasan di bawah Akta ini pada pendapat Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara atau Mahkamah

bahawa kontrak pekerjaan yang di bawahnya orang yang tercedera itu bekerja pada masa berlakunya kemalangan yang menyebabkan kecederaan adalah menyalahi undang-undang, maka Pesuruhjaya, penimbangtara itu atau Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut untuk berbuat demikian dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan kes, mengendalikan perkara itu seolah-olah orang yang tercedera itu adalah orang yang bekerja pada masa itu di bawah suatu kontrak pekerjaan yang sah.

(3) Sebarang sebutan kepada seseorang pekerja yang telah tercedera hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, jika pekerja itu telah mati, termasuk suatu sebutan kepada wakil dirinya di sisi undang-undang atau tanggungan-tanggungannya atau mana-mana daripadanya atau mana-mana pegawai awam yang mungkin dilantik oleh Menteri untuk bertindak bagi pihak tanggungan-tanggungan pekerja itu.

Tafsiran

**3.** (1) Dalam Akta ini —

"hospital yang diluluskan" bermakna sesebuah hospital yang diisytiharkan sedemikian di bawah ceraian (1) dari bab 15 ;

"penimbangtara" bermakna seseorang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sebagai penimbangtara bagi pampasan pekerja ;

Penggal 93

"Pesuruhjaya" bermakna Pesuruhjaya Buruh yang dilantik di bawah bab 3 dari Akta Buruh, dan termasuk mana-mana pegawai yang kepadanya Pesuruhjaya telah mewakilkan semua atau sebarang kuasa yang diberikan atau kewajipan yang dikenakan kepada Pesuruhjaya oleh Akta ini ;

"pampasan" bermakna pampasan sebagaimana yang dipersyaratkan oleh Akta ini ;

"kontrak pekerjaan" bermakna suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan atau suatu kontrak bagi penyempurnaan atau pelaksanaan sebarang kerja yang dilakukan di bangunan seseorang majikan, yang merupakan sebahagian dari sebarang perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh majikan itu atau perkhidmatan domestik isi rumahnya ;

"tanggungan" bermakna mana-mana anggota keluarga seseorang pekerja yang bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada pendapatannya pada masa kematiannya, atau jika tidak kerana ketiadaupayaan disebabkan oleh kemalangan, sepatutnya bergantung demikian, dan jika pekerja itu —

(*a*) adalah ibu bapa atau datuk nenek kepada anak yang dilahirkan di luar nikah, meninggalkan anak itu bergantung demikian kepada pendapatannya, atau

(*b*) adalah anak yang dilahirkan di luar nikah meninggalkan ibu bapa atau datuk nenek bergantung demikian kepada pendapatannya, atau

(*c*) bercerai meninggalkan isteri yang diceraikan bergantung demikian kepada pendapatannya hendaklah masing-masing termasuk anak, ibu bapa, datuk nenek atau isteri yang diceraikan itu :

Dengan syarat bahawa seseorang hendaklah tidak dianggap sebagai tanggungan separa orang lain melainkan jika dia bergantung sebahagiannya atas sumbangan daripada orang lain itu bagi peruntukan keperluan hidup biasa sesuai dengan orang-orang mengikut kelas dan kedudukannya :

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika atas permohonan yang dibuat oleh seseorang perempuan Pesuruhjaya berpuashati selepas menjalankan siasatan yang sewajarnya di bawah bab 10 (5) dari Akta ini bahawa —

(*a*) perempuan itu dan si mati telah hidup bersama sebagai suami isteri pada masa kemalangan ; dan

(*b*) perempuan itu bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada pendapatan si mati pada masa kematiannya atau jika tidak kerana ketiadaupayaan disebabkan oleh kemalangan sepatutnya bergantung demikian,

Pesuruhjaya boleh menganggap perempuan itu sebagai tanggungan bagi maksud-maksud Akta ini.

"pembantu rumah" bermakna seseorang yang digaji secara eksklusif dalam kerja atau berhubung dengan kerja di sesebuah rumah kediaman persendirian dan bukannya mengenai sebarang perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan di dalam rumah kediaman itu dan termasuk mana-mana orang yang digaji sebagai tukang masak, orang gaji (termasuk orang gaji bagi bilik tidur dan dapur), pelayan lelaki, ketua babu, pengasuh kanak-kanak atau bayi, jongos, footman, tukang kebun, pencuci lelaki atau perempuan, penjaga, penjaga kuda dan pemandu atau pembersih sebarang kenderaan yang dilesenkan bagi kegunaan persendirian ;

"pendapatan" bermakna sebarang ganjaran yang dibayar dengan wang tunai kepada seseorang pekerja oleh majikannya sebagai balasan kerja yang dilakukan berkaitan dengan kontrak pekerjaannya dan sebarang keistimewaan atau faedah yang boleh dinilai dengan wang dan termasuk nilai sebarang makanan, bahan api, atau tempat tinggal yang diberikan kepada pekerja itu oleh majikan jika akibat dari kemalangan pekerja itu atau mana-mana tanggungannya terlucut dari mendapat makanan, bahan api, atau tempat tinggal itu ; dan termasuk sebarang bayaran lebih

masa atau ganjaran khas lain bagi kerja yang dilakukan, sama ada dengan cara bonus, elaun ataupun dengan cara lain, jika bersifat tetap atau bagi kerja yang dibuat menurut kebiasaan dan termasuk duit kopi jika pekerjaan itu bersifat bahawa pemberian dan penerimaannya biasanya terbuka dan diketahui umum dan diakui oleh majikan, tetapi hendaklah tidak termasuk —

(*a*) bayaran tak tetap yang bersifat tidak berulang-ulang ;

(*b*) suatu elaun perjalanan atau nilai sebarang konsesi perjalanan ;

(*c*) suatu caruman yang dibayar oleh majikan bagi sebarang pencen atau kumpulan wang simpanan ;

(*d*) suatu jumlah wang atau konsesi yang diterima oleh pekerja itu sebagai balasan sebarang perbelanjaan khas yang dilakukan olehnya dengan sebab jenis pekerjaannya ;

"majikan" termasuk —

(*a*) Kerajaan ;

(*b*) mana-mana badan atau pihak berkuasa berkanun ;

(*c*) mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak ;

(*d*) wakil diri di sisi undang-undang seseorang majikan yang telah mati ; dan

(*e*) berkenaan dengan seseorang yang digaji bagi maksud sebarang permainan atau riadah dan diambil kerja atau dibayar melalui sesebuah kelab, pengurus atau ahli-ahli jawatankuasa pengurusan kelab itu ;

dan jika perkhidmatan seseorang pekerja dipinjamkan atau disewakan secara sementara kepada orang lain oleh orang yang dengannya pekerja itu telah membuat suatu kontrak pekerjaan, orang yang disebut kemudian hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, dianggap terus menjadi majikan pekerja itu walaupun dia bekerja bagi orang lain itu ;

"penanggung insurans" bermakna sebarang pertubuhan, persatuan, syarikat atau penaja jamin yang menjalankan di Negara Brunei Darussalam perniagaan membuat kontrak-kontrak insurans terhadap liabiliti seseorang majikan atas kecederaan diri kerana kemalangan kepada mana-mana pekerja yang digajinya yang berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaan itu ;

"anggota keluarga" bermakna seseorang isteri, suami, bapa, ibu, datuk, nenek, bapa tiri, ibu tiri, anak lelaki, anak perempuan, cucu lelaki, cucu perempuan, anak lelaki tiri, anak perempuan tiri, saudara lelaki, saudara perempuan, saudara lelaki seibu atau sebapa, saudara perempuan seibu atau sebapa, menantu perempuan atau ipar perempuan dan mana-mana orang itu adalah termasuk sama ada pertaliannya wujud melalui darah atau melalui sebarang pengangkatan yang diiktiraf sebagai sah oleh undang-undang Negara Brunei Darussalam ;

"pekerja luar" bermakna seseorang yang diberi benda-benda atau bahan-bahan untuk diatur, dibersihkan, dibasuh, diubah, dihias, disiapkan atau dibaiki atau disesuaikan untuk jualan di dalam rumahnya atau di bangunan lain yang bukan di bawah kawalan atau pengurusan orang yang memberi bahan-bahan atau benda-benda itu ;

"ketiadaupayaan separa" bermakna, jika ketiadaupayaan itu bersifat sementara, ketiadaupayaan yang mengurangkan daya pendapatan seseorang pekerja dalam sebarang pekerjaan di mana dia

bekerja pada masa kemalangan yang mengakibatkan ketiadaupayaannya dan jika ketiadaupayaan itu bersifat kekal, ketiadaupayaan yang mengurangkan daya pendapatannya dalam setiap pekerjaan yang boleh dilakukannya pada masa kemalangan :

Dengan syarat bahawa setiap kecederaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta ini, kecuali kecederaan atau gabungan kecederaan yang berkaitan dengannya peratus atau peratus agregat kehilangan daya pendapatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual itu bagi kecederaan atau kecederaan-kecederaan itu berjumlah atau melebihi dari 100 peratus, hendaklah dianggap mengakibatkan ketiadaupayaan separa kekal ;

"bangunan" bermakna berhubung dengan seseorang majikan sebarang tempat di mana kerja dijalankan atau dilaksanakan di bawah kawalan atau pengurusan majikan itu sama ada secara eksklusif ataupun dengan cara lain dan jalan masuk ke tempat itu dan sebarang tanah lain yang diduduki berhubung dengannya, sama ada jalan masuk atau tanah lain itu merupakan sebahagian dari jalan awam ataupun dengan cara lain terbuka kepada orang ramai atau tidak, dan sebarang tempat di mana seseorang pekerja dikehendaki bekerja oleh majikan itu atau mandur atau agen lain majikan itu, dan sebarang kenderaan atau kapal yang dipunyai oleh majikan itu atau dikendalikan oleh seseorang yang digaji olehnya ;

"pengamal perubatan berdaftar" bermakna seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan atau dikecualikan dari pendaftaran di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan pendaftaran pengamal-pengamal perubatan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Negara Brunei Darussalam ;

"hospital khas" bermakna sesebuah hospital yang diisytiharkan sedemikian di bawah ceraian (2) dari bab 16 ;

"ketiadaupayaan langsung" bermakna ketiadaupayaan sama ada bersifat sementara atau kekal yang menyebabkan seseorang pekerja tidak berupaya untuk melakukan segala kerja yang mampu dilakukannya pada masa kemalangan yang mengakibatkan ketiadaupayaan itu :

Dengan syarat bahawa ketiadaupayaan langsung kekal hendaklah dianggap berakibat dari suatu kecederaan atau dari sebarang gabungan kecederaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta ini jika peratus atau peratus agregat kehilangan daya pendapatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual itu bagi kecederaan atau kecederaan-kecederaan itu berjumlah atau melebihi dari 100 peratus ; dan

(2) Perjalanan dan pelaksanaan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sesebuah Jabatan Kerajaan atau sesebuah badan atau pihak berkuasa berkanun hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, dianggap sebagai perdagangan atau perniagaan Kerajaan atau badan atau pihak berkuasa berkanun itu, mengikut mana yang berkenaan.

## BAHAGIAN II

## PAMPASAN PEKERJA KERANA KECEDERAAN

Liabiliti majikan terhadap pampasan

**4.** (1) Jika dalam sebarang pekerjaan kecederaan diri berlaku kepada seseorang pekerja kerana kemalangan yang berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaan, majikannya hendaklah, kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan selepas ini, bertanggungan untuk membayar pampasan menurut peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Suatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang pekerja semasa dia, dengan kebenaran nyata atau tersirat majikannya, melakukan perjalanan sebagai penumpang

dengan sebarang kenderaan, kapal, vesel atau pesawat udara ke atau dari tempat kerjanya hendaklah, dengan tidak menghiraukan bahawa dia tidak berkewajipan terhadap majikannya untuk melakukan perjalanan dengan cara itu, dianggap berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaannya, jika kemalangan itu sepatutnya dianggap berpunca demikian sekiranya dia berkewajipan sedemikian, dan jika pada masa kemalangan itu kenderaan, kapal, vesel atau pesawat udara itu dikendalikan oleh atau bagi pihak majikannya atau oleh orang lain yang mengendalikannya menurut penyusunan yang dibuat dengan majikannya dan tidak dikendalikan dalam perjalanan biasa suatu perkhidmatan pengangkutan awam.

(3) Suatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang pekerja di dalam atau di sekitar sebarang bangunan di mana dia digaji pada masa itu hendaklah dianggap berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaannya jika kemalangan itu berlaku ketika dia mengambil langkah-langkah, dalam kecemasan sebenar atau anggapan di bangunan itu, untuk menyelamatkan, menolong atau melindungi orang-orang yang, atau difikirkan atau mungkin tercedera atau dalam bahaya, atau untuk menghindar atau mengurangkan kerosakan kepada harta.

(4) Suatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang pekerja hendaklah dianggap berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaannya dengan tidak menghiraukan bahawa dia pada masa kemalangan itu telah bertindak dengan melanggar sebarang peraturan berkanun atau lain yang boleh dikenakan kepada pekerjaannya, atau sebarang perintah yang diberikan oleh atau bagi pihak majikannya, atau bahawa dia telah bertindak tanpa arahan daripada majikannya, jika —

(i) kemalangan itu sepatutnya dianggap berpunca demikian sekiranya perbuatan tersebut tidak dilakukan dengan melanggar sebagaimana yang disebutkan di atas atau tanpa arahan daripada majikannya mengikut mana yang berkenaan ; dan

(ii) perbuatan itu telah dilakukan bagi maksud-maksud dan berhubung dengan perdagangan atau perniagaan majikan itu.

(5) Jika seseorang pekerja yang tempat pekerjaannya yang biasa adalah di Negara Brunei Darussalam atau yang kontrak pekerjaannya dibuat di Negara Brunei Darussalam tercedera atau mati akibat dari suatu kemalangan yang berlaku di luar Negara Brunei Darussalam dalam hal keadaan di mana jika kemalangan itu telah berlaku di Negara Brunei Darussalam pekerja itu sepatutnya berhak mendapat pampasan di bawah Akta ini maka majikan pekerja itu hendaklah bertanggungan untuk membayar pampasan menurut peruntukan-peruntukan Akta ini :

Dengan syarat bahawa jika pampasan kena dibayar kepada pekerja itu di bawah sebarang undang-undang pampasan pekerja yang berkuatkuasa di tempat di mana kemalangan itu telah berlaku maka amaun pampasan itu hendaklah ditolak dari sebarang pampasan yang kena dibayar menurut peruntukan-peruntukan Akta ini.

(6) Seseorang majikan hendaklah tidak bertanggungan untuk membayar pampasan berkaitan dengan sebarang kecederaan yang tidak menyebabkan pekerja itu tiada berupaya selama suatu tempoh sekurang-kurangnya 3 hari dari mendapat gaji penuh pada kerja di mana dia digaji.

(7) Seseorang majikan hendaklah tidak bertanggungan untuk membayar pampasan berkaitan dengan sebarang kecederaan kepada seseorang pekerja akibat dari suatu kemalangan jika terbukti bahawa kecederaan kepada pekerja itu adalah secara langsung disebabkan pekerja itu pada masa kemalangan itu berlaku berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah, melainkan jika kecederaan itu mengakibatkan kematian atau ketiadaupayaan kekal yang menyebabkan kehilangan daya pendapatan pekerja itu tidak kurang dari 50 peratus.

(8) Tiada pampasan boleh kena dibayar berkaitan dengan sebarang ketiadaupayaan atau kematian akibat dari kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan tak sengaja yang sengaja diterukkan.

(9) Tiada pampasan boleh kena dibayar berkaitan dengan sebarang ketiadaupayaan atau kematian akibat dari kecederaan diri, jika pekerja itu telah menyatakan pada bila-bila masa kepada majikan bahawa dia tidak mengalami atau tidak pernah mengalami kecederaan itu atau kecederaan seperti itu dahulunya, dengan mengetahui bahawa pernyataan itu adalah palsu.

(10) Bagi maksud-maksud Akta ini suatu kemalangan yang berpunca semasa seseorang pekerja bekerja hendaklah dianggap, jika tiada keterangan yang berlawanan, juga berpunca dari pekerjaan itu.

Pampasan kerana penyakit pekerjaan

5. (1) Jika seseorang pekerja yang digaji dalam sebarang pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mendapat suatu penyakit atau kecederaan yang ditunjukkan dalam Jadual itu ada kaitan dengan pekerjaan itu, atau jika seseorang pekerja yang telah digaji dalam pekerjaan itu mendapat penyakit atau kecederaan tersebut dalam masa 12 bulan selepas berhenti daripada digaji, dan jika ketiadaupayaan atau kematian pekerja itu bersebab dari penyakit itu, pampasan hendaklah kena dibayar seolah-olah penyakit itu adalah kecederaan diri kerana kemalangan yang berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaan itu, dan segala peruntukan lain Akta ini hendaklah dikenakan dengan sewajarnya, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini :

Dengan syarat bahawa jika pekerja itu telah mengidap sebarang penyakit yang disebutkan dalam Jadual Kedua penyakit tersebut hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap bersebab dari jenis pekerjaan itu jika pekerja itu telah digaji dalam sebarang pekerjaan tertentu dalam masa

30 hari dari tarikh seseorang pengamal perubatan berdaftar memperakui bahawa pada pendapatnya pekerja itu mengidap penyakit tersebut.

(2) Apabila seseorang pekerja membuat suatu kontrak pekerjaan dengan mana-mana majikan untuk bekerja dalam sebarang pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau ditukar, dengan persetujuannya, oleh majikannya ke pekerjaan tersebut, dia hendaklah, jika diminta berbuat demikian oleh majikan itu, patuh kepada pemeriksaan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar, bayaran bagi pemeriksaan itu hendaklah dibayar oleh majikan itu.

Dengan syarat bahawa pekerja itu tidaklah dikehendaki untuk patuh kepada pemeriksaan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar melainkan menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan juga tidak pada selangan waktu yang lebih pendek dari yang mungkin ditetapkan di dalamnya.

(3) Tiada pampasan boleh kena dibayar di bawah bab ini berkaitan dengan ketiadaupayaan atau kematian seseorang pekerja jika kehilangan upaya itu bermula atau kematian itu berlaku, mengikut mana yang berkenaan, lebih dari 12 bulan selepas pekerja itu berhenti daripada digaji dalam sebarang pekerjaan yang dari jenisnya menyebabkan penyakit itu oleh majikan yang daripadanya pampasan itu dituntut :

Dengan syarat bahawa pampasan hendaklah kena dibayar berkaitan dengan kematian seseorang pekerja jika kematiannya telah didahului sama ada dengan serta-merta atau tidak, dengan sebarang tempoh ketiadaupayaan yang berkaitan dengannya pampasan kena dibayar di bawah bab ini.

(4) Bagi maksud-maksud mengira pendapatan bulanan pekerja itu dalam suatu tuntutan untuk mendapatkan pampasan di bawah bab ini, atau tarikh bermulanya ketiadaupayaan pekerja itu, atau tarikh kematiannya, jika tempoh ketiadaupayaan yang dahulu tidak ada, hendaklah disifatkan sebagai tarikh berlakunya kemalangan itu, jika dia

pada masa itu digaji dalam sebarang pekerjaan yang dari jenisnya menyebabkan penyakit itu oleh majikan yang daripadanya pampasan itu dituntut, dan jika dia tidak digaji pada masa itu, hari terakhir dia digaji hendaklah dianggap bagi maksud ini sebagai tarikh berlakunya kemalangan itu.

(5) Bagi segala maksud lain Akta ini tarikh bermulanya ketiadaupayaan pekerja itu, atau tarikh seseorang pengamal perubatan berdaftar memperakui bahawa pada pendapatnya pekerja itu mengidap penyakit itu, mengikut mana tarikhnya yang lebih awal, atau tarikh kematiannya jika tempoh ketiadaupayaan yang dahulu tidak ada, hendaklah dianggap sebagai tarikh berlakunya kemalangan itu.

(6) Jika dihinggapi penyakit itu secara perlahan-lahan, supaya dua orang majikan atau lebih bertanggungan untuk membayar pampasan secara berasingan berkaitan dengannya di bawah bab ini, jumlah agregat pampasan itu hendaklah tidak melebihi dari jumlah yang sepatutnya kena dibayar jika majikan-majikan itu adalah majikan tunggal, dan dalam hal itu tiap-tiap majikan itu hendaklah, jika ingkar mempersetujuinya, bertanggungan terhadap kadaran pampasan yang kena dibayar sebagaimana yang difikirkan adil oleh penimbangtara.

(7) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan perintah yang dinyatakan dalam *Warta Kerajaan* dari masa ke semasa meminda Jadual Kedua.

Pampasan terhad kepada kecederaan yang dialami ketika bekerja

**6.** Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan dalam bab-bab 4 dan 5, tiada pampasan boleh kena dibayar kepada seseorang pekerja berkaitan dengan sebarang penyakit melainkan jika penyakit itu bersebab secara langsung dari suatu kecederaan tertentu kerana kemalangan yang berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaan yang berkaitan.

Orang yang berhak mendapat pampasan

**7.** (1) Pampasan hendaklah kena dibayar kepada atau untuk faedah pekerja, atau, jika kematian bersebab dari kecederaan, kepada atau untuk faedah tanggungan-tanggungannya sebagaimana yang dipersyaratkan oleh Akta ini.

(2) Jika terdapat tanggungan-tanggungan sepenuhnya dan juga separa tiada sebarang apa pun dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang pampasan dari dibahagikan sebahagiannya kepada tanggungan-tanggungan sepenuhnya dan sebahagiannya kepada tanggungan-tanggungan separa.

(3) Jika seseorang tanggungan mati sebelum suatu tuntutan di bawah Akta ini dibuat, atau, jika suatu tuntutan telah dibuat, sebelum suatu persetujuan atau award dicapai atau dibuat, wakil diri tanggungan itu di sisi undang-undang tidak berhak mendapat bayaran pampasan, dan jumlah pampasan hendaklah dikira dan dibahagikan seolah-olah tanggungan itu telah mati sebelum pekerja.

Jumlah pampasan

**8.** Jumlah pampasan yang kena dibayar menurut peruntukan-peruntukan Akta ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Akta ini.

Cara mengira pendapatan

**9.** (1) Bagi maksud-maksud Akta ini pendapatan seseorang pekerja hendaklah dihitung mengikut cara kiraan yang paling baik bagi menunjukkan pendapatan bulanannya yang sebenar pada tarikh kemalangan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut —

(*a*) jika pekerja itu telah digaji secara eksklusif oleh majikan yang bertanggungan untuk membayar pampasan dalam tempoh berterusan yang tidak kurang dari 6 bulan sejurus sebelum kemalangan dalam tingkatan dia digaji pada masa kemalangan, pendapatan bulanannya hendaklah dianggap sebagai jumlah purata pendapatannya dalam 6 bulan genap terakhir tempoh itu ;

(*b*) jika pekerja itu telah digaji secara eksklusif oleh majikan yang bertanggungan untuk membayar pampasan dalam tingkatan dia digaji pada masa kemalangan dalam tempoh berterusan yang kurang dari 6 bulan sejurus sebelum kemalangan dan terdapat pekerja lain yang telah digaji secara eksklusif

atas kerja yang serupa oleh majikan yang sama bagi tempoh berterusan yang tidak kurang dari 6 bulan sejurus sebelum kemalangan, pendapatan bulanan pekerja yang disebut dahulu hendaklah dianggap sebagai jumlah purata pendapatan pekerja yang disebut kemudian dalam 6 bulan genap terakhir tempoh itu ;

(*c*) jika keterangan yang dapat dipercayai mengenai pendapatan pekerja yang berkaitan di bawah perenggan (a) atau (b) tidak ada atau tidak dapat dikemukakan tanpa kelewatan atau perbelanjaan yang tidak wajar, perhatian boleh diambil terhadap keterangan mengenai pendapatan pekerja yang digaji atas kerja yang serupa di kawasan yang sama pada atau kira-kira pada tarikh kemalangan ;

(*d*) jika pendapatan seseorang pekerja tidak dapat ditentukan menurut peruntukan-peruntukan perenggan (a), (b) atau (c) ceraian ini atau jika pendapatan pekerja yang ditentukan itu adalah kurang dari $150 sebulan maka dalam sebarang hal itu pendapatan bulanan pekerja itu hendaklah dianggap sebagai $150.

(2) Jika seseorang pekerja digaji di bawah kontrak-kontrak pekerjaan secara bersama dengan 2 orang majikan atau lebih yang di bawahnya dia bekerja pada satu masa dengan seorang majikan dan pada masa lain dengan majikan lain, pendapatan bulanannya hendaklah dihitung seolah-olah pendapatannya di bawah semua kontrak itu adalah pendapatan atas penggajian majikan yang dengannya dia bekerja pada masa kemalangan.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini suatu tempoh penggajian hendaklah dianggap sebagai berterusan yang tidak diganggu oleh suatu tempoh tidak hadir bekerja yang melebihi dari 14 hari.

(4) Peruntukan-peruntukan ceraian (1) dan (2) hendaklah dikenakan kepada pengiraan pendapatan bulanan bagi maksud-maksud takrifan "pekerja" dalam bab 2.

Pembahagian pampasan

**10.** (1) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang seseorang majikan dari membuat sebarang bayaran yang tidak melebihi dari $500 terus kepada seseorang pekerja atau tanggungan kerana suatu tuntutan yang belum lagi diselesaikan atau diputuskan, dan Pesuruhjaya boleh memerintahkan bahawa ke semua atau mana-mana bahagian bayaran itu hendaklah ditolak dari jumlah pampasan yang kena dibayar kepada pekerja atau tanggungan itu di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Melainkan jika dibenarkan dengan nyata oleh Pesuruhjaya secara bertulis, tiada bayaran pampasan berkaitan dengan seseorang pekerja yang kecederaannya telah mengakibatkan kematian, ketiadaupayaan langsung kekal atau ketiadaupayaan separa kekal boleh dibuat melainkan dengan cara deposit dengan Pesuruhjaya, dan sebarang bayaran itu yang dibuat terus kepada pekerja itu atau tanggungan-tanggungannya hendaklah dianggap bukan sebagai bayaran pampasan bagi maksud-maksud Akta ini.

Dengan syarat bahawa ceraian ini hendaklah tidak dikenakan kepada pampasan yang kena dibayar kepada seseorang pekerja yang berumur 18 tahun dan ke atas berkaitan dengan kecederaan yang mengakibatkan ketiadaupayaan separa kekal.

(3) Sebarang wang lain yang kena dibayar sebagai pampasan boleh, dan jika orang yang kepadanya wang itu kena dibayar meminta demikian hendaklah, dideposit dengan Pesuruhjaya.

(4) Resit Pesuruhjaya adalah pelepasan yang mencukupi bagi sebarang pampasan yang dideposit dengannya.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab 38 dari Akta ini, Pesuruhjaya hendaklah membuat siasatan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk menentukan jumlah tanggungan seseorang pekerja yang telah mati dan setakat mana mereka bergantung kepadanya.

(6) Pampasan yang dideposit berkaitan dengan suatu kemalangan yang mengakibatkan kematian seseorang pekerja hendaklah, tertakluk kepada sebarang potongan yang dibuat di bawah ceraian *(4)*, dibahagikan di antara tanggungan-tanggungan pekerja yang telah mati itu atau mana-mana daripada mereka pada kadaran sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pesuruhjaya, atau boleh, atas budibicara Pesuruhjaya, diuntukkan kepada mana-mana satu tanggungan.

(7) *(a)* Jika sebarang wang pukal yang dideposit dengan Pesuruhjaya kena dibayar kepada seseorang perempuan atau kepada mana-mana pekerja atau tanggungan yang berumur 18 tahun ke bawah atau yang berada dalam sebarang kehilangan upaya di sisi undang-undang, Pesuruhjaya boleh atas budibicaranya menyebabkan supaya jumlah wang itu dilabur, diguna ataupun dengan cara lain diuruskan untuk faedah pekerja itu atau tanggungan-tanggungannya sehingga dia mencapai umur 18 tahun atau pada masa kehilangan upayanya, mengikut mana yang berkenaan, dengan cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya.

*(b)* Jika suatu bayaran berkala kena dibayar kepada mana-mana pekerja yang berada dalam suatu kehilangan upaya di sisi undang-undang Pesuruhjaya boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat kepadanya bagi maksud itu, memerintahkan supaya bayaran itu dibuat pada masa kehilangan upaya itu kepada mana-mana tanggungan pekerja itu atau kepada mana-mana orang lain yang difikirkan paling layak oleh Pesuruhjaya untuk menjaga kebajikan pekerja itu.

(*c*) Dalam segala hal lain pampasan sama ada dideposit atau tidak dengan Pesuruhjaya hendaklah dibayar kepada orang yang berhak terhadapnya.

(8) Jika Pesuruhjaya berpuas hati selepas menjalankan siasatan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bahawa tanggungan seseorang pekerja yang telah mati tidak ada atau tidak dapat dikesan dan hal keadaan adalah sebegitu rupa sehingga tidak ada kemungkinan yang munasabah bahawa mana-mana tanggungan dapat dikesan dia hendaklah membayar balik baki wang yang dideposit dengannya di bawah ceraian (1) kepada orang yang telah mendepositkannya.

(9) Pesuruhjaya hendaklah, atas permohonan yang dibuat oleh majikan, memberi suatu pernyataan yang menunjukkan secara terperinci segala pembayaran yang telah dibuat.

(10) Jika selepas siasatan yang dibuat atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat kepadanya Pesuruhjaya berpuas hati bahawa, dengan sebab pengabaian kanak-kanak di pihak ibu bapa, atau kematian atau perubahan ke atas hal keadaan mana-mana tanggungan, atau kerana sebarang sebab lain yang mencukupi, suatu perintah Pesuruhjaya mengenai pembahagian sebarang jumlah wang yang dibayar sebagai pampasan atau mengenai cara bagaimana sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepada mana-mana tanggungan itu hendak dilabur, diguna ataupun dengan cara lain diuruskan, patut diubah, Pesuruhjaya boleh membuat perintah-perintah bagi mengubah perintah itu sebagaimana yang difikirkannya adil mengikut hal keadaan kes :

Dengan syarat bahawa tiada perintah itu yang menyentuh mana-mana orang boleh dibuat melainkan jika orang itu telah diberi suatu peluang untuk menunjukkan sebab mengapa perintah itu tidak seharusnya dibuat, atau boleh

dalam sebarang hal membabitkan pembayaran balik oleh seseorang tanggungan akan sebarang jumlah wang yang telah pun dibayar kepadanya.

**Pampasan hendaklah tidak diserahhak, ditahan atau dicagarkan**

**11.** Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan oleh Akta ini, tiada wang pukal atau bayaran berkala yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh dalam apa jua cara pun diserahhak atau dicagarkan atau kena ditahan atau dipindahkan kepada mana-mana orang selain daripada pekerja dengan kuatkuasa undang-undang dan juga tiada sebarang tuntutan boleh ditolak darinya.

Notis tuntutan

**12.** (1) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan dalam bab ini prosiding bagi mendapatkan kembali pampasan kerana suatu kecederaan tidaklah boleh disenggarakan melainkan jika notis kemalangan yang berkaitan dengannya pampasan itu dituntut telah diberikan kepada majikan dalam masa 7 hari selepas kemalangan itu berlaku dan melainkan jika suatu tuntutan untuk mendapatkan pampasan berkenaan dengan kemalangan itu telah dibuat dalam masa 6 bulan dari berlakunya kemalangan yang menyebabkan kecederaan itu, atau, dalam hal kematian, dalam masa 6 bulan dari tarikh kematian.

(2) Notis kepada majikan tidaklah diperlukan jika suatu kemalangan maut telah berlaku.

(3) Ketiadaan atau sebarang kecacatan atau ketidaktepatan dalam notis itu tidaklah menjadi suatu halangan terhadap penyenggaraan prosiding itu jika majikan terbukti ada mengetahui tentang kemalangan itu dari sebarang sumber lain pada atau kira-kira pada masa kemalangan, atau jika didapati dalam prosiding untuk menyelesaikan tuntutan itu bahawa majikan tidak, atau tidak akan, jika suatu notis atau notis pindaan telah diberikan pada masa itu dan pendengarannya ditangguhkan, terjejas atas pembelaannya kerana ketiadaan, kecacatan atau ketidaktepatan itu, atau bahawa ketiadaan,

kecacatan atau ketidaktepatan itu disebabkan oleh kesilapan, ketiadaan di Negara Brunei Darussalam atau sebab lain yang munasabah.

(4) Kegagalan untuk membuat suatu tuntutan dalam tempoh yang dinyatakan di atas tidaklah menjadi suatu halangan terhadap penyenggaraan prosiding itu jika didapati bahawa kegagalan itu disebabkan oleh kesilapan, ketiadaan di Negara Brunei Darussalam atau sebab lain yang munasabah.

(5) Notis kepada majikan, atau jika terdapat lebih daripada seorang majikan, kepada salah seorang daripada majikan-majikan itu, berkaitan dengan suatu kecederaan boleh diberikan sama ada secara bertulis atau secara lisan atau kepada mandur atau orang lain yang di bawah penyeliaannya pekerja itu digaji, atau kepada mana-mana orang yang dinamakan bagi maksud itu oleh majikan, dan hendaklah menyatakan dalam bahasa biasa sebab kecederaan itu dan tarikh kemalangan itu berlaku.

(6) Notis itu jika secara bertulis boleh diberikan dengan menyerahkannya di, atau mengirimkannya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada, tempat kediaman atau tempat perniagaan orang yang hendak diberi notis itu.

(7) Jika majikan adalah suatu kumpulan orang, diperbadankan atau tidak, notis itu, jika secara bertulis, boleh diberikan dengan menyerahkannya atau mengirimkannya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada majikan, dipejabat, atau, jika terdapat lebih dari satu pejabat, mana-mana satu pejabat, kumpulan itu.

(8) Notis yang dengan ini dikehendaki boleh diberikan oleh Pesuruhjaya bagi pihak mana-mana pekerja, dan suatu notis yang diberikan demikian hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah diberikan oleh pekerja itu sendiri.

**13.** (1) Tiap-tiap majikan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Pesuruhjaya mengenai berlakunya sebarang kemalangan di bangunannya atau kes-kes penyakit pekerjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 5 berhubung dengan apa-apa jua yang dilakukan bagi maksud perdagangan atau perniagaan majikan yang — **Notis kepada Pesuruhjaya oleh majikan**

(*a*) mengakibatkan kematian mana-mana orang yang tercedera ; atau

(*b*) menghilangkan upaya mana-mana orang yang tercedera langsung atau separa selama lebih dari tiga hari berturut-turut dari mendapat gaji penuh pada kerja di mana dia digaji.

(2) Notis itu hendaklah diberikan dalam masa 10 hari dari berlakunya kemalangan itu dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Suatu notis di bawah bab ini boleh mengandungi suatu penafian mengenai liabiliti untuk membayar pampasan dan hendaklah tidak ditafsirkan sebagai suatu pengakuan melainkan jika liabiliti diakui dengan perkataan-perkataan yang jelas dan nyata.

(4) Mana-mana majikan yang gagal atau tidak memberi notis sebagaimana yang dikehendaki oleh bab ini adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak $4,000 :

Dengan syarat bahawa tiada Mahkamah boleh mengambil tahu akan suatu kesalahan di bawah bab ini kecuali atas aduan Pesuruhjaya.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini "majikan" adalah termasuk orang, jika ada, yang disebutkan dalam bab 19 sebagai "prinsipal".

Kuasa-kuasa Pesuruhjaya apabila menerima notis

**14.** Apabila menerima suatu notis di bawah ceraian (1) dari bab 13 Pesuruhjaya boleh, tanpa menyentuh sebarang prosiding yang kemudiannya di bawah Bahagian III dari Akta ini, jika pada pendapatnya bahawa suatu tuntutan untuk mendapatkan pampasan mungkin berbangkit berkaitan dengan kecederaan atau kematian mana-mana pekerja —

(*a*) memberitahu pekerja itu atau tanggungan-tanggungannya mengenai sebab dan hal keadaan kecederaan atau kematian yang dilaporkan itu dan menasihatkan mereka tentang hak mereka untuk mendapat pampasan ; dan

(*b*) jika diminta demikian oleh pekerja atau tanggungan-tanggungan itu membuat suatu tuntutan untuk mendapatkan pampasan bagi pihak mereka ; atau

(*c*) menasihatkan majikan yang daripadanya notis itu diterima supaya menawarkan kepada pekerja atau tanggungan-tanggungan itu suatu jumlah pampasan sebagaimana yang mungkin didapati oleh Pesuruhjaya, dengan memberi perhatian kepada sebab dan hal keadaan kecederaan atau kematian yang dilaporkan itu, kena dibayar menurut peruntukan-peruntukan Akta ini.

Pemeriksaan dan rawatan perubatan

**15.** (1) Apabila notis mengenai suatu kemalangan telah diberikan kepada seseorang majikan oleh seseorang pekerja atau oleh Pesuruhjaya bagi pihak seseorang pekerja maka majikan itu boleh, dan, jika diarahkan demikian oleh Pesuruhjaya, hendaklah, sebelum tamat tempoh 5 hari dari masa bila penyampaian notis itu telah dilakukan, menawarkan supaya pekerja itu diperiksa oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar secara percuma kepada pekerja itu dan boleh, dan, jika diarahkan demikian oleh Pesuruhjaya, hendaklah selanjutnya menawarkan untuk membayar kos rawatan perubatan dan ubatan untuk pekerja itu sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh pengamal perubatan

berdaftar itu, dan pekerja itu hendaklah patuh kepada pemeriksaan itu ; dan mana-mana pekerja yang menerima suatu bayaran berkala di bawah Akta ini hendaklah, jika dikehendaki demikian, patuh kepada pemeriksaan itu dari masa ke semasa :

Dengan syarat bahawa seseorang pekerja tidaklah dikehendaki supaya patuh kepada pemeriksaan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar melainkan menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau pada selangan waktu yang lebih pendek dari yang mungkin ditetapkan di dalamnya.

(2) Jika seseorang pekerja, apabila dikehendaki berbuat demikian oleh majikan itu di bawah ceraian (1), atau oleh Pesuruhjaya, atau oleh seseorang penimbangtara, pada bila-bila masa enggan patuh kepada pemeriksaan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar, atau dalam apa jua cara pun menghalang pengamal perubatan itu, haknya untuk mendapat pampasan hendaklah digantung selama keengganan atau halangan itu berterusan.

(3) Jika seseorang pekerja setelah dikehendaki demikian, dan sebelum tamat tempoh di mana di bawah ceraian (1), dia kena patuh kepada pemeriksaan perubatan, dengan sengaja meninggalkan, tanpa diperiksa demikian, tempat di mana dia bermastautin pada masa kemalangan itu maka haknya untuk mendapat pampasan hendaklah digantung sehingga dia memberitahu majikannya akan alamat barunya dan menawarkan dirinya untuk diperiksa.

(4) Jika seseorang pekerja, yang haknya untuk mendapat pampasan telah digantung di bawah ceraian (2) atau (3), mati tanpa patuh kepada pemeriksaan perubatan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian-ceraian itu, Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan supaya pampasan dibayar kepada tanggungan-tanggungan pekerja yang telah mati itu.

(5) Jika di bawah ceraian (2) atau (3) suatu hak untuk mendapat pampasan digantung, tiada pampasan boleh kena dibayar berkaitan dengan tempoh penggantungan itu, dan, jika tempoh penggantungan itu bermula sebelum tamat tempoh menunggu yang disebutkan dalam perenggan (a) ceraian (2) dari bab 4, tempoh menunggu itu hendaklah dipanjangkan dengan tempoh selama penggantungan itu berterusan.

(6) Jika seseorang pekerja yang tercedera enggan dirawat oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar yang perkhidmatannya telah ditawarkan kepadanya oleh majikan itu secara percuma atau, setelah menerima tawaran itu, gagal melaksanakan atau dengan sengaja mengabaikan arahan pengamal perubatan itu bagi rawatannya, maka —

(*a*) jika pekerja itu menerima bayaran berkala di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, Pesuruhjaya boleh memerintahkan supaya bayaran berkala itu digantung sehingga pekerja itu bersetuju menerima rawatan itu atau telah melaksanakan arahan itu, dan boleh selanjutnya, jika dia berpuas hati bahawa tempoh ketiadaupayaan pekerja itu telah dipanjangkan kerana keengganan, kegagalan atau pengabaian itu, memerintahkan supaya tempoh bayaran berkala itu dihadkan ke suatu tempoh, yang dikira dari tarikh kecederaan, apabila ketiadaupayaan pekerja itu mungkin dengan munasabah dijangka berlanjutan, sekiranya dia bersetuju menerima rawatan itu dan melaksanakan arahan itu ; atau

(*b*) jika pekerja itu mengalami ketiadaupayaan kekal dan Pesuruhjaya berpuas hati bahawa ketiadaupayaan itu telah diburukkan kerana keengganan, kegagalan atau pengabaian itu Pesuruhjaya boleh memerintahkan supaya pampasan dibayar kepada pekerja itu sesuai dengan kehilangan upaya yang mungkin dengan munasabah dijangka dialaminya jika dia sentiasa dirawat oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar.

**16.** (1) Menteri hendaklah dari masa ke semasa dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengisytiharkan hospital manakah hospital yang diluluskan bagi maksud Akta ini; dan, jika seseorang pekerja tercedera yang diperakui oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar bahawa rawatannya di sesebuah hospital yang diluluskan adalah perlu, pekerja itu boleh dimasukkan ke sesebuah hospital yang diluluskan. **Hospital yang diluluskan dan hospital khas**

(2) Jika Menteri berpuas hati bahawa kelengkapan dan penyeliaan yang sesuai ada didapati di mana-mana hospital bagi rawatan dan penyembuhan pekerja-pekerja yang tercedera dan terutamanya untuk memberi rawatan kepada mereka bagi melatih semula bahagian-bahagian yang tercedera dan pemulihan, setakat yang boleh, daya jasmani dan kesihatan am, dia boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengisytiharkan hospital itu sebagai hospital khas bagi maksud Akta ini; dan mana-mana pekerja yang tercedera boleh dimasukkan ke hospital khas itu untuk rawatan atas nasihat pengamal perubatan berdaftar yang menjaga sesebuah hospital yang diluluskan :

Dengan syarat bahawa pengamal perubatan berdaftar yang menjaga hospital khas itu memperakui bahawa pada pendapatnya rawatan itu akan memberi faedah kepada pekerja itu.

(3) Jika seseorang pekerja yang tercedera dimasukkan sama ada ke sesebuah hospital yang diluluskan atau hospital khas, majikan hendaklah, selain dari bayaran pampasan kepada pekerja itu atau, jika berlaku kematian ke atas pekerja itu, kepada tanggungan-tanggungan pekerja itu, bertanggungan untuk membayar terus kepada hospital itu segala bayaran wad dan bayaran rawatan berkaitan dengan pekerja itu dan kos ubat dan anggota palsu, alat pembedahan dan prostesis lain yang dikehendaki akibat dari kecederaan yang dialami sebagaimana yang diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar yang menjaga hospital yang diluluskan atau khas itu sebagai diperlukan dengan munasabah dan yang sebenarnya diberikan kepada pekerja itu :

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat hendaklah dari masa ke semasa dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan jumlah maksimum yang boleh ditanggung oleh seseorang majikan berkaitan dengan beberapa bayaran dan kos yang dinyatakan dalam ceraian ini.

(4) Jika pekerja yang tercedera itu enggan mendapatkan rawatan di sesebuah hospital yang diluluskan atau khas sebarang award pampasan yang dibuat kepadanya boleh, atas permintaan majikan, digantung atau dikaji semula oleh Pesuruhjaya.

Kajian semula

**17.** (1) Sebarang bayaran berkala yang kena dibayar di bawah Akta ini, sama ada di bawah suatu persetujuan di antara pekerja dan majikan dan dipersetujui dan direkodkan oleh Pesuruhjaya atau di bawah award seseorang penimbangtara, boleh dikaji semula oleh Pesuruhjaya atas permohonan sama ada majikan atau pekerja yang disertakan dengan sijil pengamal perubatan berdaftar bahawa terdapat perubahan pada keadaan pekerja.

(2) Sebarang bayaran berkala boleh, apabila dikaji semula di bawah bab ini, dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, diteruskan, dinaikkan, diturunkan atau ditamatkan.

Penggantian bayaran berkala

**18.** Sebarang bayaran berkala boleh dengan persetujuan di antara pekerja dan majikan yang dipersetujui dan direkodkan oleh Pesuruhjaya atau, jika pekerja dan majikan tidak dapat bersetuju atau Pesuruhjaya tidak mempersetujui dan bayaran telah diteruskan selama tidak kurang dari 6 bulan, atas permohonan kepada seseorang penimbangtara, digantikan dengan wang pukal yang akan dibayar sebagai ganti bayaran setengah bulan bagi jumlah yang mungkin dipersetujui oleh pihak-pihak itu dan dipersetujui oleh Pesuruhjaya atau ditentukan oleh penimbangtara itu, mengikut mana yang berkenaan.

Pekerja yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam untuk bermastautin di tempat lain

**19.** (1) Jika seseorang pekerja yang menerima suatu bayaran berkala bercadang hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam untuk bermastautin di negara lain, dia hendaklah terlebih dahulu memberi kepada Pesuruhjaya notis 14 hari mengenai cadangannya hendak pergi; dan Pesuruhjaya hendaklah dengan serta-merta memberitahu majikan yang mungkin bersetuju dengan pekerja itu untuk meneruskan bayaran di negara di mana pekerja itu bercadang hendak bermastautin, dan jika ingkar mempersetujuinya salah satu pihak boleh memohon kepada Pesuruhjaya bagi penggantian bayaran berkala itu dengan wang pukal yang akan dibayar sebagai ganti bayaran setengah bulan itu dan Pesuruhjaya hendaklah selepas itu menentukan jumlah wang pukal itu.

(2) Jika seseorang pekerja yang menerima suatu bayaran berkala meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi maksud hendak bermastautin di negara lain tanpa memberi notis sebagaimana yang dipersyaratkan dalam ceraian (1), dia tidaklah lagi selepas itu berhak mendapat sebarang faedah menurut Akta ini selama ketiadaannya di Negara Brunei Darussalam dan dia hendaklah, bagi maksud-maksud perenggan 3 dari Jadual Ketiga dianggap telah menerima bayaran berkala selama ketiadaannya.

Liabiliti dalam hal pekerja yang digaji oleh kontraktor

**20.** (1) Jika mana-mana orang (dalam bab ini disebut sebagai "prinsipal") semasa menjalankan atau bagi maksud perdagangan atau perniagaannya membuat kontrak dengan mana-mana orang lain (dalam bab ini disebut sebagai "kontraktor") bagi pelaksanaan oleh atau untuk kontraktor akan keseluruhan atau mana-mana bahagian sebarang kerja yang dilakukan oleh prinsipal, prinsipal hendaklah bertanggungan untuk membayar kepada mana-mana pekerja yang digaji bagi pelaksanaan kerja itu sebarang pampasan yang dia sepatutnya bertanggungan untuk membayarnya jika pekerja itu telah digaji secara langsung olehnya dan jika suatu tuntutan telah dibuat kepada prinsipal bagi mendapatkan pampasan, Akta ini hendaklah dikenakan seolah-olah sebutan kepada prinsipal diganti dengan sebutan kepada majikan, kecuali bahawa

jumlah pampasan itu hendaklah dikira dengan merujuk kepada gaji pekerja itu di bawah majikan yang menggajinya secara langsung.

(2) Jika prinsipal bertanggungan untuk membayar pampasan di bawah bab ini, dia berhak ditanggung rugi oleh orang yang sepatutnya bertanggungan untuk membayar pampasan kepada pekerja itu jika bab ini belum diperbuat.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang seseorang pekerja dari mendapatkan kembali pampasan daripada kontraktor sebagai ganti prinsipal, dan suatu tuntutan yang dibuat terhadap prinsipal atau kontraktor, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah tidak menghalang prosiding yang kemudiannya di bawah Akta ini terhadap yang lain untuk mendapatkan kembali sebanyak mana pampasan yang dipersetujui atau diaward yang mungkin masih belum dibayar.

(4) Bab ini hendaklah tidak dikenakan dalam sebarang hal jika kemalangan berlaku di tempat lain dari di tempat atau di sekitar tempat di mana prinsipal telah berjanji untuk melaksanakan kerja atau yang dengan cara lain berada di bawah kawalan atau pengurusannya.

Remedi terhadap majikan dan juga orang lain

**21.** Jika sebarang kecederaan di mana pampasan kena dibayar berlaku di bawah hal keadaan yang mewujudkan suatu liabiliti di sisi undang-undang ke atas seseorang selain daripada majikan untuk membayar gantirugi berkaitan dengannya —

(*a*) pekerja boleh mengambil prosiding terhadap orang itu untuk mendapatkan kembali gantirugi dan boleh membuat tuntutan terhadap mana-mana orang yang bertanggungan untuk membayar pampasan tetapi dia tidaklah berhak untuk mendapatkan kembali gantirugi dan juga pampasan ; dan

hak majikan itu terhadap penanggung insurans itu mengenai liabiliti tersebut hendaklah, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan kebankrapan atau penggulungan syarikat yang berkuatkuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya, dipindah kepada dan terletak hak pada pekerja itu, dan atas sebarang pemindahan itu penanggung insurans itu hendaklah mempunyai hak dan remedi yang sama dan tertakluk kepada liabiliti yang sama seolah-olah mereka adalah majikan :

Dengan syarat bahawa penanggung insurans itu hendaklah tidak berada di bawah sebarang liabiliti yang lebih besar terhadap pekerja itu dari mereka yang sepatutnya terhadap majikan itu sekiranya pemindahan itu tidak berlaku.

(2) Jika liabiliti penanggung insurans itu terhadap pekerja itu adalah kurang dari liabiliti majikan itu terhadap pekerja itu, maka pekerja itu boleh membuktikan baki atas kebankrapan atau penyelesaian hutang-piutang atau, mengikut mana yang berkenaan, dia boleh mendapatkan kembali baki daripada penerima atau pengurus.

(3) Jika dalam sebarang hal sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (1) kontrak majikan itu dengan penanggung insurans itu adalah terbatal atau boleh batal kerana sebarang syarat kontrak itu (selain dari penetapan bagi pembayaran premium) tidak dipatuhi di pihak majikan itu, maka peruntukan-peruntukan ceraian itu hendaklah dikenakan seolah-olah kontrak itu adalah tidak terbatal atau boleh batal, dan penanggung insurans itu berhak untuk membuktikan atas kebankrapan atau penyelesaian hutang-piutang bagi jumlah wang yang dibayar kepada pekerja itu :

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan ceraian ini hendaklah tidak dikenakan dalam sebarang hal di mana pekerja itu gagal memberi notis kepada penanggung insurans itu mengenai berlakunya kemalangan dan mengenai sebarang ketiadaupayaan yang berbangkit dengan seberapa segera

yang boleh setelah dia menyedari akan permulaan prosiding kebankrapan atau penyelesaian hutang-piutang dan bahawa majikan itu telah diinsuranskan dan dengan siapa.

(4) Hendaklah termasuk —

(*a*) antara hutang-hutang yang di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan kebankrapan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Negara Brunei Darussalam dalam pembahagian harta atau aset suatu kebankrapan yang akan dibayar mengikut keutamaan dari segala hutang lain jumlah yang kena dibayar berkaitan dengan sebarang pampasan atau liabiliti terhadap pampasan yang terakru sebelum tarikh perintah penerimaan, perintah penghukuman atau perintah pentadbiran, mengikut mana yang berkenaan, dan jumlah itu hendaklah diberikan keutamaan selepas jumlah yang kena dibayar bagi gaji dan upah ; dan

(*b*) antara hutang-hutang yang di bawah sebarang undang-undang bertulis yang mengawal penggulungan syarikat dalam penggulungan suatu syarikat yang akan dibayar mengikut keutamaan dari segala hutang lain jumlah yang kena dibayar berkaitan dengan sebarang pampasan atau liabiliti terhadap pampasan yang terakru sebelum tarikh bermulanya penggulungan syarikat itu.

(5) Jika pampasan itu adalah suatu bayaran berkala jumlah yang kena dibayar berkaitan dengannya hendaklah, bagi maksud-maksud bab ini, dianggap sebagai jumlah wang pukal di mana bayaran berkala itu boleh digantikan dengannya, jika boleh digantikan, jika permohonan dibuat bagi maksud di bawah bab 18 dan suatu perakuan Pesuruhjaya tentang jumlah wang itu adalah bukti muktamad mengenainya.

yang boleh setelah dia menyedari akan permulaan prosiding kebankrapan atau penyelesaian hutang-piutang dan bahawa majikan itu telah diinsuranskan dan dengan siapa.

(4) Hendaklah termasuk —

(*a*) antara hutang-hutang yang di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan kebankrapan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Negara Brunei Darussalam dalam pembahagian harta atau aset suatu kebankrapan yang akan dibayar mengikut keutamaan dari segala hutang lain jumlah yang kena dibayar berkaitan dengan sebarang pampasan atau liabiliti terhadap pampasan yang terakru sebelum tarikh perintah penerimaan, perintah penghukuman atau perintah pentadbiran, mengikut mana yang berkenaan, dan jumlah itu hendaklah diberikan keutamaan selepas jumlah yang kena dibayar bagi gaji dan upah ; dan

(*b*) antara hutang-hutang yang di bawah sebarang undang-undang bertulis yang mengawal penggulungan syarikat dalam penggulungan suatu syarikat yang akan dibayar mengikut keutamaan dari segala hutang lain jumlah yang kena dibayar berkaitan dengan sebarang pampasan atau liabiliti terhadap pampasan yang terakru sebelum tarikh bermulanya penggulungan syarikat itu.

(5) Jika pampasan itu adalah suatu bayaran berkala jumlah yang kena dibayar berkaitan dengannya hendaklah, bagi maksud-maksud bab ini, dianggap sebagai jumlah wang pukal di mana bayaran berkala itu boleh digantikan dengannya, jika boleh digantikan, jika permohonan dibuat bagi maksud di bawah bab 18 dan suatu perakuan Pesuruhjaya tentang jumlah wang itu adalah bukti muktamad mengenainya.

(6) Peruntukan-peruntukan ceraian (4) hendaklah dikenakan dalam hal sebarang jumlah di mana seseorang penanggung insurans berhak untuk membuktikan di bawah ceraian (3), tetapi jika tidak peruntukan-peruntukan itu hendaklah tidak dikenakan jika si-bankrap atau syarikat yang digulung itu telah membuat kontrak tersebut dengan penanggung insurans sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (1).

(7) Bab ini hendaklah tidak dikenakan jika suatu syarikat digulung dengan sukarela hanya bagi maksud-maksud penyusunan semula atau penyatuan dengan syarikat lain.

Peruntukan-peruntukan khas berkenaan dengan kelasi

**23.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ceraian (3), Akta ini hendaklah dikenakan kepada juragan dan kelasi jika orang itu adalah pekerja dalam makna Akta ini, dan anggota krew sebarang kapal Brunei yang berdaftar, atau sebarang kapal Brunei lain yang pemiliknya, atau (jika terdapat lebih daripada seorang pemilik) pemilik urusannya, atau pengurusnya bermastautin atau mempunyai tempat perniagaannya yang utama di Negara Brunei Darussalam, tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian yang berikut —

(*a*) notis mengenai kemalangan dan tuntutan untuk mendapatkan pampasan boleh, kecuali jika orang yang tercedera adalah juragan, diberikan kepada juragan kapal itu seolah-olah dia adalah majikan, tetapi jika kemalangan berlaku dan ketiadaupayaan bermula di dalam kapal, tidaklah perlu untuk memberikan sebarang notis mengenai kemalangan ;

(*b*) dalam hal kematian juragan atau kelasi, permohonan untuk mendapatkan pampasan hendaklah dibuat dalam masa 3 bulan selepas berita kematian telah diterima oleh pihak menuntut ;

(*c*) jika juragan atau kelasi yang tercedera diberhentikan atau ditinggalkan di sesebuah pelabuhan atau tempat di luar Negara Brunei Darussalam, keterangan bersumpah mengenai hal keadaan dan jenis kecederaan boleh diambil oleh mana-mana hakim atau majistret di mana-mana bahagian Komanwel, atau oleh mana-mana pegawai konsul Brunei di tempat lain, dan jika diambil demikian hendaklah dihantar oleh orang yang mengambilnya kepada Menteri, dan keterangan bersumpah itu atau salinannya yang diperakui hendaklah dalam sebarang prosiding bagi menguatkuasakan tuntutan itu boleh diterima sebagai keterangan sebagaimana yang dipersyaratkan dalam bab 209 dari Akta Perkapalan Penggal 145
Pedagang, dan bab itu hendaklah dikenakan dengan sewajarnya ;

(*d*) dalam hal kematian seseorang juragan atau kelasi yang tidak meninggalkan tanggungan, tiada pampasan boleh kena dibayar, jika majikan bertanggungan untuk membayar perbelanjaan pengke- Penggal 145
bumian di bawah Akta Perkapalan Pedagang ;

(*e*) bayaran berkala tidaklah kena dibayar berkaitan dengan sebarang tempoh selama majikan bertanggungan untuk membayar perbelanjaan nafkah juragan atau kelasi yang tercedera di bawah Akta Perkapalan Pedagang ; Penggal 145

(*f*) prosiding bagi mendapatkan kembali pampasan oleh tanggungan-tanggungan juragan atau kelasi yang hilang dengan kapal mereka bersama-sama seluruh anak kapal boleh disenggara jika permohonan dibuat dalam masa 6 bulan dari tarikh kapal itu dianggap telah hilang bersama-sama seluruh anak kapal ;

(*g*) bagi maksud-maksud perenggan (f) sesebuah

kapal hendaklah dianggap telah hilang bersama-sama seluruh anak kapal jika Pengarah Laut mengisytiharkan demikian dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* selepas menjalankan siasatan sebagaimana yang difikirkannya patut, dan tarikh kehilangan itu hendaklah dianggap sebagai tarikh penyiaran kenyataan itu.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ceraian (3), Akta ini hendaklah juga dikenakan kepada mana-mana orang, bukannya juragan atau kelasi, yang digaji di dalam sebarang kapal sebagaimana yang disebutkan dalam bab ini, jika dia digaji demikian bagi maksud-maksud kapal itu atau mana-mana penumpang atau kargo atau mel yang dibawa oleh kapal itu, dan jika dia adalah dengan cara lain seorang pekerja dalam makna Akta ini.

(3) Akta ini hendaklah tidak dikenakan —

(*a*) kepada anggota krew sesebuah kapal Brunei yang didaftarkan atau dilesenkan di luar Negara Brunei Darussalam jika di tempat pendaftaran atau pelesenan kapal itu suatu undang-undang berkenaan dengan pampasan pekerja berkuatkuasa dan dikenakan kepada anggota krew itu ;

(*b*) kepada anggota krew sesebuah kapal penangkap ikan yang mendapat ganjaran seluruhnya atau sebahagian besarnya dengan syer atas keuntungan atau pendapatan kasar dari pengendalian kapal itu, kecuali dalam hal-hal dan tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang mungkin dipersyaratkan dengan titah perintah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

(4) Dalam bab ini, "kapal Brunei", "juragan", "kelasi" dan "kapal" masing-masing mempunyai makna yang ditentukan kepada ungkapan-ungkapan itu oleh Akta Perkapalan Pedagang. Penggal 145

Penyata mengenai pampasan

**24.** (1) Menteri boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengarahkan bahawa tiap-tiap orang yang menggaji pekerja, atau bahawa mana-mana golongan khas orang itu, hendaklah mengirimkan pada suatu masa dan dalam borang dan kepada pihak berkuasa sebagaimana yang mungkin dinyatakan suatu penyata yang betul dengan menyatakan jumlah kecederaan yang berkaitan dengannya pampasan di bawah Akta ini telah dibayar oleh majikan pada tahun sebelumnya dan jumlah pampasan itu, berserta dengan butir-butir lain tentang pampasan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri.

(2) Mana-mana orang yang ingkar mematuhi sebarang arahan yang diberitahu di bawah bab ini adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak $2,000.

Membuat kontrak melepaskan hak

**25.** Sebarang kontrak atau perjanjian sama ada dibuat sebelum, pada atau selepas tarikh Akta ini mula berjalan kuatkuasanya di mana seseorang pekerja melepaskan sebarang hak mendapat pampasan daripada majikan kerana kecederaan diri yang berpunca dari atau semasa menjalankan pekerjaan adalah batal dan tak sah setakat yang ia dikatakan menghapuskan atau mengurangkan liabiliti mana-mana orang untuk membayar pampasan di bawah Akta ini.

Pesuruhjaya boleh membayar gaji yang diterima oleh pekerja yang telah mati kepada tanggungan-tanggungan

**26.** Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka orang yang telah mati yang berkuatkuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam, jika seseorang pekerja telah mati dan pada pendapat Pesuruhjaya bahawa tanggungan-tanggungannya berhak mendapat pampasan di bawah Akta ini dan bahawa sebarang wang, yang tidak melebihi dari jumlah pendapatannya selama 2 bulan yang dikira di bawah bab 9, kena dibayar kepada pekerja itu oleh majikannya adalah sah bagi Pesuruhjaya atas budibicaranya untuk menerima wang itu dan membayarnya kepada tanggungan-tanggungan tanpa pengemukaan suatu surat perwakilan.

Majikan hendaklah menginsuranskan

**27.** (1) Tiap-tiap majikan hendaklah menginsuranskan dan sentiasa menginsuranskan dirinya dengan penanggung insurans yang dibenarkan oleh Menteri (selepas ini disebut sebagai penanggung insurans yang dibenarkan) berkaitan dengan sebarang liabiliti yang mungkin ditanggungnya di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini terhadap mana-mana pekerja yang digaji olehnya :

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan,* mengisytiharkan bahawa peruntukan-peruntukan bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada mana-mana majikan atau golongan majikan.

(2) Mana-mana majikan yang dikehendaki untuk menginsuranskan di bawah bab ini boleh sebaliknya, mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan, mendeposit dengan Pesuruhjaya suatu jumlah wang atau memberi jaminan lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pesuruhjaya dan wang atau jaminan lain itu hendaklah digunakan untuk membayar pampasan kepada pekerja majikan itu apabila timbul waktunya.

(3) Mana-mana majikan yang, bagi maksud membayar atau membayar sebahagiannya kos insurans berkaitan dengan liabilitinya untuk membayar pampasan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, membuat sebarang potongan dari pendapatan seseorang pekerja yang bekerja dengannya adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak $2,000 dan penjara selama 6 bulan.

(4) Mana-mana majikan yang gagal menginsuranskan dirinya menurut ceraian (1) dari bab ini adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak $4,000 dan penjara selama 3 bulan.

(5) Pesuruhjaya boleh menghendaki mana-mana majikan supaya memberitahunya akan nama dan alamat penanggung insurans yang dengannya majikan itu telah menginsuranskan dirinya sebagaimana yang dikehendaki oleh bab ini.

(6) Tiap-tiap polisi insurans yang dikeluarkan bagi maksud bab ini hendaklah dianggap mempersyaratkan bahawa mana-mana pekerja yang mempunyai suatu tuntutan terhadap orang yang diinsuranskan berkaitan dengan liabiliti yang berhubung dengannya polisi itu dikeluarkan, atau Pesuruhjaya yang bertindak bagi pihak pekerja itu, berhak untuk mendapatkan kembali atas namanya sendiri, seolah-olah dia adalah suatu pihak kepada polisi itu, terus daripada penanggung insurans sebarang jumlah yang dia sepatutnya berhak untuk mendapatkan kembali daripada orang yang diinsuranskan.

(7) Sebarang syarat dalam suatu polisi insurans yang dikeluarkan bagi maksud-maksud bab ini yang mempersyaratkan bahawa tiada liabiliti boleh berbangkit di bawah polisi itu, atau bahawa sebarang liabiliti yang berbangkit itu hendaklah terhenti, sekiranya sesuatu perkara tertentu dilakukan atau tidak dilakukan selepas berlakunya kemalangan yang menyebabkan suatu tuntutan di bawah polisi itu, hendaklah tidak berkuatkuasa atas tuntutan yang dibuat oleh seseorang pekerja di bawah ceraian (6) ;

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dianggap sebagai menyebabkan tidak sah sebarang peruntukan dalam suatu polisi yang menghendaki majikan yang diinsuranskan untuk membayar balik kepada penanggung insurans sebarang jumlah wang yang mungkin telah dibayar oleh orang yang disebut kemudian di bawah polisi itu bagi menyelesaikan sebarang tuntutan itu.

**Penanggung insurans yang diluluskan hendaklah memberi maklumat**

***28.** (1) Penanggung insurans yang diluluskan hendaklah mengumpulkan, menyusun dan menyenggara berkaitan dengan semua majikan yang diinsuranskan olehnya bagi maksud-maksud bab 27 statistik dan maklumat berhubung dengan —

(*a*) kejadian dan sebab kemalangan dan penyakit pekerjaan ;

* Bab ini belum lagi dikuatkuasakan

(*b*) sebarang penyelesaian tuntutan untuk mendapatkan pampasan yang dicapai dengan persetujuan ;

(*c*) sebarang tuntutan untuk mendapatkan pampasan yang diputuskan oleh penimbangtara ;

(*d*) jumlah sebarang premium atau caj yang diminta daripada atau dibayar oleh majikan berkaitan dengan penginsuransan pekerja ;

(*e*) nisbah perbelanjaan dengan faedah ;

(*f*) jumlah wang yang dibayar sebagai komisen kepada agen ; dan

(*g*) pendapatan dan perbelanjaan berhubung dengan penginsuransan majikan di bawah bab ini dan hendaklah menghantar sebarang statistik dan maklumat itu kepada Pesuruhjaya apabila diminta atau pada masa sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya.

(2) Statistik dan maklumat yang dikehendaki untuk disimpan di bawah ceraian (1) hendaklah disimpan dengan mengasingkannya dari statistik dan maklumat berhubung dengan sebarang perniagaan lain yang dijalankan.

(3) Mana-mana penanggung insurans yang diluluskan yang melanggar sebarang peruntukan bab ini atau gagal menghantar kepada Pesuruhjaya sebarang statistik dan maklumat di bawah bab ini adalah melakukan kesalahan: Hukuman, denda sebanyak $4,000.

## BAHAGIAN III

## PESURUHJAYA DAN PENIMBANGTARA

Pesuruhjaya boleh mengadakan siasatan

**29.** (1) Bagi maksud-maksud memutuskan —

(*a*) sebarang perkara yang dikehendaki untuk siasatan diputuskan olehnya di bawah peruntukan

bab-bab 10, 15, 16, 19 atau Jadual Ketiga ; atau

(*b*) sebarang persoalan yang berbangkit dari prosiding di bawah Akta ini di mana pada pendapatnya bahawa hak pekerja atau tanggungan-tanggungannya terhadap pampasan tidak dipertikaikan,

maka Pesuruhjaya boleh mengadakan suatu siasatan mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh membuat perintah sebagaimana yang dianggapnya perlu.

(2) Mana-mana pihak yang tidak puas hati dengan sebarang perintah Pesuruhjaya di bawah ceraian (1) boleh pada bila-bila masa dalam masa 14 hari dari penyampaian perintah itu kepadanya memohon kepada penimbangtara untuk mengubah atau membatalkan perintah itu.

(3) Jika sebarang persoalan lain berbangkit di bawah Akta ini persoalan itu hendaklah diselesaikan dengan persetujuan di antara Pesuruhjaya, pekerja dan majikan dan bagi maksud mencapai persetujuan Pesuruhjaya boleh mengadakan suatu siasatan mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Suatu permohonan kepada Pesuruhjaya untuk menyelesaikan sebarang persoalan boleh dibuat oleh atau bagi pihak seseorang pekerja atau majikan dan hendaklah dibuat dalam borang dan hendaklah disertakan, dengan bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan dan hendaklah mengandungi suatu pernyataan ringkas mengenai hal-keadaan kemalangan dan kecederaan yang berlaku :

Dengan syarat sentiasa bahawa jika Pesuruhjaya mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kemalangan telah berlaku yang mengakibatkan kecederaan kepada atau kematian mana-mana pekerja maka dia boleh atas usulnya sendiri dan pada bila-bila masa

mengadakan suatu siasatan untuk menentukan sama ada kemalangan itu telah berlaku dan sama ada sebarang pampasan yang kena dibayar di bawah Akta ini dibayar.

(5) (*a*) Pesuruhjaya boleh, sebelum mengadakan sebarang siasatan di bawah bab ini, menghendaki supaya suatu penyiasatan permulaan dibuat oleh pegawai awam yang akan dilantik olehnya secara bertulis bagi maksud itu mengenai hal-keadaan sebarang kemalangan yang mengakibatkan kecederaan kepada atau kematian mana-mana pekerja dan bagi maksud ini peruntukan-peruntukan bab 35 hendaklah dikenakan kepada pegawai itu.

(*b*) Mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah perenggan (a) untuk membuat suatu penyiasatan permulaan hendaklah, apabila selesai berbuat demikian, mengemukakan kepada Pesuruhjaya rekod penyiasatan itu dan rekod itu hendaklah menjadi sebahagian dari rekod Pesuruhjaya.

(6) (*a*) Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa, atas usulnya sendiri, atau atas permohonan yang dibuat oleh atau bagi pihak pekerja atau majikan, membuka semula sebarang siasatan yang diadakan olehnya dan boleh, dengan persetujuan dengan pekerja dan majikan, mengesahkan, meminda, mengubah atau membatalkan sebarang persetujuan yang dicapai sebelumnya.

(*b*) Peruntukan-peruntukan bab 30 hendaklah dikenakan jika persetujuan tidak dicapai di bawah perenggan (a).

Merekod persetujuan

**30.** (1) Jika jumlah pampasan sama ada dengan cara pampasan sekaligus atau dengan cara bayaran berkala telah ditentukan dengan persetujuan di antara pekerja dan majikannya suatu memorandam hendaklah dalam masa 14 hari dihantar oleh majikan (dan boleh dihantar oleh pekerja atau mana-mana tanggungan) kepada Pesuruhjaya, yang, apabila

berpuas hati tentang kesahihannya dan bahawa jumlah pampasan yang dipersetujui adalah mencukupi hendaklah, kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan selepas ini dalam bab ini, merekodkan memorandam itu di dalam suatu daftar mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Tiada memorandam itu boleh direkodkan sehingga tempoh 7 hari telah tamat selepas penyampaian notis oleh Pesuruhjaya kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa dia bercadang hendak merekodkannya.

(3) Jika pada pendapat Pesuruhjaya bahawa suatu persetujuan bagi bayaran suatu jumlah wang, sama ada dengan cara penggantian bayaran berkala ataupun dengan cara lain, atau suatu persetujuan bagi jumlah pampasan tidak patut direkodkan dengan sebab jumlah wang atau jumlah itu tidak mencukupi atau dengan sebab persetujuan itu telah diperolehi dengan cara tipuan atau pengaruh yang tidak wajar atau cara lain yang tidak berpatutan dia boleh enggan merekodkan memorandam persetujuan itu dan jika dia dan majikan dan pekerja tidak dapat menyelesaikan persoalan itu dengan persetujuan, maka Pesuruhjaya hendaklah merujukkan perkara itu kepada seseorang penimbangtara.

(4) Suatu persetujuan bagi bayaran pampasan yang telah direkodkan di bawah bab ini boleh dikuatkuasakan di bawah Akta ini dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa pada masa itu.

Kesan kegagalan untuk merekodkan persetujuan

**31.** Jika suatu memorandam sebarang persetujuan yang dikehendaki untuk direkodkan di bawah bab 30 tidak dihantar kepada Pesuruhjaya menurut peruntukan-peruntukan bab itu majikan hendaklah bertanggungan untuk membayar jumlah penuh pampasan yang dia mungkin dengan cara lain bertanggungan untuk membayarnya.

Penimbangtara hendaklah memutuskan apabila pihak-pihak gagal mempersetujui

**32.** (1) Seseorang penimbangtara hendaklah memutuskan —

(*a*) sebarang permohonan yang dibuat kepadanya untuk mengubah atau membatalkan suatu perintah yang dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah ceraian (1) dari bab 29 ; dan

(*b*) sebarang persoalan lain yang berbangkit di bawah Akta ini yang tidak dapat diselesaikan dengan persetujuan di bawah ceraian (3) dari bab 29 oleh seseorang pekerja, majikannya dan Pesuruhjaya.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1) suatu persoalan hendaklah dianggap tidak diselesaikan dengan persetujuan melainkan jika pekerja, majikan dan Pesuruhjaya semuanya menyatakan persetujuan mereka dengan menandatangani suatu pengakuan persetujuan atau melainkan jika suatu persetujuan di antara pekerja dan majikan direkodkan oleh Pesuruhjaya di bawah peruntukan-peruntukan bab 30.

(3) Suatu permohonan yang meminta keputusan seseorang penimbangtara atas sebarang persoalan boleh dibuat dan dikemukakan kepada seseorang penimbangtara oleh seseorang pekerja, oleh majikan, oleh Pesuruhjaya bagi pihak seseorang pekerja atau oleh Pesuruhjaya atas usulnya sendiri, atau oleh mana-mana orang yang tidak puas hati dengan sebarang perintah Pesuruhjaya di bawah bab 29(1).

(4) Suatu permohonan kepada seseorang penimbangtara untuk menyelesaikan sebarang persoalan hendaklah dibuat dalam borang dan hendaklah disertakan dengan bayaran, jika ada, sebagaimana yang mungkin ditetapkan dan hendaklah mengandungi, selain dari sebarang butir yang mungkin ditetapkan, suatu pernyataan ringkas mengenai hal-keadaan bagaimana permohonan itu dibuat dan mengenai pelepasan atau perintah yang diminta oleh pemohon dan mengenai persoalan-persoalan di mana persetujuan telah dan juga belum dicapai :

Dengan syarat bahawa pembayaran bayaran hendaklah diketepikan apabila Pesuruhjaya membuat suatu permohonan sama ada atas usulnya sendiri atau bagi pihak seseorang pekerja.

(5) Pesuruhjaya hendaklah, atas permintaan mana-mana orang yang memohonnya dan atas pembayaran bayaran yang ditetapkan, memberi kepadanya satu salinan rekodnya berserta dengan satu salinan sebarang persuratan yang berkaitan dan hendaklah mengesahkannya.

Persetujuan hendaklah bebas dari duti setem

**33.** Tiada duti setem boleh dikenakan atau kena dibayar atas sebarang persetujuan di bawah Akta ini.

Kehadiran pihak-pihak

**34.** (1) Sebarang kehadiran, permohonan atau perbuatan yang dikehendaki untuk dibuat atau dilakukan oleh mana-mana orang di hadapan atau kepada seseorang penimbangtara (selain dari kehadiran suatu pihak yang dikehendaki bagi maksud pemeriksaannya sebagai seorang saksi) boleh dibuat atau dilakukan bagi pihak orang itu oleh seseorang peguambela atau, dengan kebenaran Pesuruhjaya, oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh orang itu atau, jika orang itu seorang pekerja, oleh Pesuruhjaya bagi pihaknya atau, jika orang itu seorang majikan, oleh seseorang yang bekerja dengannya secara tetap dan eksklusif atau oleh penanggung insuransnya atau, jika penanggung insurans itu suatu syarikat, oleh seseorang agen yang diberi kuasa, secara am atau khas di bawah meterai syarikat itu, untuk mewakili syarikat itu dalam prosiding tersebut.

(2) Jika Kerajaan adalah suatu pihak kepada sebarang prosiding di bawah Akta ini kehadiran, permohonan atau perbuatan itu boleh dibuat oleh ketua jabatan yang menggaji pekerja itu, di mana atau yang di bawahnya pekerja itu digaji atau oleh mana-mana pegawai jabatan itu yang diberi kuasa secara bertulis oleh ketuanya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Peguam Negara.

Pakar hendaklah membantu penimbangtara

**35.** Seseorang penimbangtara boleh, bagi maksud memutuskan sebarang perkara yang dirujukkan kepadanya untuk diputuskan di bawah Akta ini, memilih seorang atau lebih yang mempunyai pengetahuan khas mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan perkara yang disiasat untuk membantunya dalam mengadakan siasatan.

Siasatan oleh penimbangtara

**36.** (1) Jika sebarang perkara dikehendaki di bawah Akta ini untuk dilakukan oleh atau di hadapan seseorang penimbangtara, perkara itu hendaklah, tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan Akta ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, dilakukan oleh atau di hadapan penimbangtara itu bagi kawasan di mana kemalangan yang mengakibatkan kecederaan berlaku :

Dengan syarat bahawa, jika pekerja itu seorang kelasi, sebarang perkara itu boleh dilakukan oleh atau di hadapan penimbangtara itu bagi kawasan di mana pemilik atau agen kapal bermastautin atau menjalankan perniagaan.

(2) Menteri boleh, dalam sebarang hal tertentu, mengarahkan supaya sebarang persoalan yang telah dirujukkan kepada seseorang penimbangtara untuk diputuskan di bawah bab 32, dipindahkan kepada penimbangtara lain untuk diputuskan dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dikenakan dengan sewajarnya.

Kuasa-kuasa Pesuruhjaya dan penimbangtara

**37.** (1) Bagi maksud-maksud Akta ini Pesuruhjaya dan seseorang penimbangtara hendaklah mempunyai segala kuasa seorang majistret untuk menyaman dan memeriksa saksi-saksi dan mengendalikan sumpah atau ikrar dan bagi memaksa supaya dokumen-dokumen dan benda-benda yang mustahak dikemukakan dan Pesuruhjaya dan seseorang penimbangtara hendaklah menjadi mahkamah sivil bagi segala maksud bab 132 dan Penggal XXXII dari Kanun Peraturan Jenayah.

Penggal 7

(2) Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara hendaklah membuat suatu memorandam ringkas mengenai isi kandungan keterangan tiap-tiap saksi semasa pemeriksaan saksi itu berjalan, dan memorandam itu hendaklah ditandatangani oleh Pesuruhjaya atau penimbangtara itu dengan tandatangannya sendiri dan hendaklah menjadi sebahagian dari rekod :

Dengan syarat bahawa keterangan mana-mana saksi perubatan hendaklah diambil seboleh-bolehnya perkataan demi perkataan.

(3) Mana-mana orang yang dalam apa jua cara pun dengan sengaja menghalang penyampaian atau pematuhan terhadap sebarang saman dan mana-mana orang yang disaman yang lalai hadir dan mengemukakan dokumen-dokumen sebagaimana yang dikehendaki dalam saman itu dan mana-mana orang yang melakukan berkaitan dengan siasatan itu sebarang kesalahan yang dinyatakan dalam Penggal X dari Kanun Hukuman Jenayah boleh dihukum apabila sabit kesalahan sebagaimana yang dipersyaratkan dalam Penggal tersebut. Penggal 22

(4) Tiap-tiap orang yang memberi keterangan di hadapan Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara adalah terikat untuk menjawab dengan sebenarnya semua soalan yang diajukan kepadanya oleh Pesuruhjaya atau penimbangtara itu dan mana-mana orang yang dengan sengaja membuat sebarang pernyataan palsu atau yang memberi sebarang keterangan dalam sebarang siasatan di bawah Akta ini yang diketahuinya sebagai tidak benar, atau yang melakukan sebarang perbuatan lain, yang jika dilakukan dalam suatu prosiding kehakiman boleh dihukum di bawah Penggal XI dari Kanun Hukuman Jenayah, boleh dihukum apabila sabit kesalahan sebagaimana yang dipersyaratkan dalam Penggal tersebut. Tiada keterangan yang diambil di bawah Akta ini boleh diterima dalam sebarang prosiding jenayah terhadap orang yang memberi keterangan itu kecuali apabila orang itu dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah Penggal X atau XI dari Kanun Hukuman Jenayah.

(5) Tiap-tiap penimbangtara hendaklah dianggap sebagai pegawai kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah.

**Dokumen-dokumen boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding**

**38.** (1) Dalam sebarang prosiding di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini sebarang dokumen yang dikatakan sebagai —

(*a*) suatu laporan yang ditandatangani oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar ke atas mana-mana pekerja yang diperiksa atau dirawat olehnya ; atau

(*b*) suatu pernyataan yang ditandatangani oleh pihak berkuasa yang layak tentang pergantungan dan tahap pergantungan kepada seseorang pekerja yang telah mati mana-mana orang yang mengaku sebagai tanggungan pekerja itu,

adalah bukti prima facie mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya dan tandatangan pengamal perubatan berdaftar atau pihak berkuasa yang layak itu hendaklah diterima tanpa bukti melainkan jika Pesuruhjaya atau seseorang Penimbangtara mempunyai alasan untuk meragui kesahihannya :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam bab ini boleh menghalang Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara dari mempertimbangkan sebarang keterangan lain tentang adanya tanggungan-tanggungan atau takat pergantungan.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini —

"pengamal perubatan berdaftar" termasuk mana-mana pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran pengamal perubatan yang berkuatkuasa di negara di mana pengamal perubatan itu bermastautin :

"pihak berkuasa yang layak" bermakna

(*a*) di dalam Negara Brunei Darussalam, mana-mana Pegawai Daerah ; dan

(*b*) di luar Negara Brunei Darussalam mana-mana Pesuruhjaya, Pesuruhjaya negeri, Timbalan Pesuruhjaya atau Penolong Pesuruhjaya, atau pegawai yang memegang suatu jawatan yang sama yang dilantik di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan pampasan pekerja yang berkuat-kuasa di negara di mana pihak menuntut bermastautin.

Perintah penimbangtara hendaklah dihantar kepada Pesuruhjaya

**39.** Apabila seseorang penimbangtara telah memutuskan persoalan atau persoalan-persoalan yang dikemukakan kepadanya di bawah bab 30 dia hendaklah menghantar satu salinan perintahnya yang diperakui mengenainya kepada Pesuruhjaya yang di hadapannya siasatan asal di bawah bab 29 diadakan.

Kos

**40.** Segala kos dan yang bersampingan dengan sebarang prosiding di hadapan seseorang penimbangtara hendaklah, tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atas budibicara penimbangtara itu :

Dengan syarat bahawa tiada kos boleh diaward terhadap Pesuruhjaya sama ada dia hadir atas usulnya sendiri atau bagi pihak seseorang pekerja.

Kuasa untuk mengemukakan kes

**41.** (1) Seseorang penimbangtara boleh, jika difikirkannya patut, mengemukakan sebarang persoalan undang-undang untuk diputuskan oleh seseorang Hakim, dan jika dia berbuat demikian dia hendaklah memutuskan persoalan itu selaras dengan keputusan itu.

(2) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan dari sebarang keputusan seseorang Hakim di bawah bab ini.

Rayuan dari keputusan penimbangtara

**42.** (1) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan selepas ini, tiada rayuan boleh dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi dari sebarang perintah seseorang penimbangtara.

(2) Jika seseorang Hakim menandatangani suatu perakuan bahawa keputusan seseorang penimbangtara membabitkan suatu persoalan undang-undang yang dikehendaki bagi kepentingan awam untuk diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, atas suatu permohonan yang dibuat bagi maksud itu oleh atau bagi pihak seseorang pekerja atau majikannya maka suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi.

(3) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan dari sebarang keputusan Mahkamah Tinggi di bawah bab ini.

(4) Suatu rayuan hendaklah tidak dikemukakan dalam sebarang hal di mana pihak-pihak telah bersetuju untuk mematuhi keputusan penimbangtara itu atau di mana perintah penimbangtara itu menguatkuasakan suatu persetujuan yang dicapai oleh pihak-pihak.

(5) Tertakluk kepada aturan-aturan Mahkamah, prosedur dalam suatu rayuan kepada Mahkamah Tinggi adalah prosedur dalam suatu rayuan sivil daripada Mahkamah Majistret dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian mengikut keperluan keadaan.

Penguatkuasaan perintah dan persetujuan

**43.** (1) Jika sebarang perintah telah dibuat oleh seseorang penimbangtara atau Pesuruhjaya atau sebarang persetujuan direkodkan oleh Pesuruhjaya, maka Pesuruhjaya hendaklah, atas permintaan mana-mana orang yang menuntut di bawah perintah atau persetujuan itu, menghantar satu salinannya yang diperakui kepada Pendaftar Mahkamah Besar yang akan menyebabkan salinan tersebut direkodkan dan selepas itu perintah atau persetujuan tersebut boleh dikuatkuasakan bagi segala maksud sebagai suatu penghakiman Mahkamah Besar.

(2) Jika Pesuruhjaya telah menghantar satu salinan perintah atau persetujuan yang diperakui kepada Pendaftar untuk direkodkan di bawah peruntukan-peruntukan ceraian (1) dan kemudiannya dikaji semula di bawah bab 10, 15, 16 atau 17 suatu perintah dibuat dengan mengubah jumlah pampasan yang hendak dibayar di bawah perintah atau persetujuan itu, Pesuruhjaya hendaklah menghantar satu salinan perintah atau persetujuan tersebut yang diperakui yang diubah olehnya kepada Pendaftar yang akan menyebabkannya direkodkan dan selepas itu perintah atau persetujuan asal yang diubah oleh perintah yang kemudian itu boleh mulai dari waktu itu dikuatkuasakan bagi segala maksud sebagai ganti perintah atau persetujuan asal sebagai suatu penghakiman Mahkamah Besar.

Kecederaan yang disebabkan oleh kecuaian majikan, dsb.

**44.** Jika sebarang kecederaan berlaku kepada seseorang pekerja kerana kecuaian, pelanggaran kewajipan berkanun atau perbuatan salah lain atau peninggalan majikan, atau mana-mana orang yang kerana perbuatan atau keingkarannya majikan bertanggungjawab, tiada sebarang apa pun dalam Akta ini boleh menghadkan atau dengan sebarang cara menyentuh sebarang liabiliti majikan dengan bebas Akta ini :

Dengan syarat bahawa sebarang gantirugi yang diaward kepada seseorang pekerja dalam suatu tindakan pada common law atau di bawah sebarang Akta berkaitan dengan sebarang kecuaian, pelanggaran kewajipan berkanun atau perbuatan salah atau peninggalan itu, hendaklah dikurangkan dengan nilai sebarang pampasan yang telah dibayar atau kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini berkaitan dengan kecederaan yang dialami oleh pekerja itu.

Penyusunan timbal-balik bagi pembayaran pampasan pekerja

**45.** Jika suatu penyusunan telah dibuat di antara Kerajaan dan Kerajaan mana-mana wilayah lain, di mana jumlah wang yang diaward di bawah undang-undang berkenaan dengan pampasan pekerja di Negara Brunei Darussalam kepada pewaris-pewaris yang bermastautin atau menjadi pemastautin di dalam wilayah yang ditadbir oleh mana-mana Kerajaan itu, dan jumlah wang yang diaward di bawah undang-undang

berkenaan dengan pampasan pekerja di mana-mana wilayah itu kepada pewaris-pewaris yang bermastautin atau menjadi pemastautin di Negara Brunei Darussalam, boleh atas permintaan pihak berkuasa yang membuat award itu dipindahkan kepada dan ditadbirkan oleh pihak berkuasa yang layak di mana-mana wilayah itu atau oleh Pesuruhjaya di Negara Brunei Darussalam, mengikut mana yang berkenaan, wang yang dipegang oleh Pesuruhjaya hendaklah dipindahkan, dan wang yang diterima olehnya hendaklah ditadbir mengikut cara yang ditetapkan.

Pindaan Jadual

**46.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dari masa ke semasa dengan perintah, yang akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan,* meminda Jadual-Jadual kepada Akta ini.

Peraturan-peraturan

**47.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini.

(2) Khasnya, dan tanpa menyentuh keluasan makna ceraian yang disebutkan di atas, peraturan-peraturan itu boleh mempersyaratkan —

(*a*) had-had yang tertakluk kepadanya pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberi dan dikenakan kepada Pesuruhjaya boleh menjalankan dan melaksanakan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan itu ;

(*b*) selangan waktu bila dan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya seseorang pekerja boleh dikehendaki supaya patuh kepada pemeriksaan oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar di bawah bab-bab 5 dan 15 ;

(*c*) cara bagaimana wang yang dipegang oleh Pesuruhjaya boleh dilabur untuk faedah tanggungan-tanggungan seseorang pekerja yang telah mati di bawah bab 10 ;

(*d*) borang notis yang perlu diberikan oleh seseorang majikan kepada Pesuruhjaya di bawah ceraian (2) dari bab 13 ;

(*e*) prosedur bagi mengkaji semula pampasan oleh Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara apabila pekerja yang tercedera menolak rawatan di bawah ceraian (6) dari bab 15 atau menolak rawatan sama ada di sesebuah hospital yang diluluskan atau khas ;

(*f*) selangan waktu bila dan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya suatu permohonan untuk kajian semula boleh dibuat di bawah ceraian (4) dari bab 16 dan di bawah bab 17 ;

(*g*) prosedur untuk diikuti apabila seseorang pengamal perubatan berdaftar yang telah memeriksa seseorang pekerja memperakui bahawa rawatan sama ada di sesebuah hospital yang diluluskan atau khas adalah perlu masing-masing di bawah ceraian (1) atau ceraian (2) dari bab 16 dan prosedur bagi pembayaran bayaran hospital dan kos anggota palsu dan alat pembedahan di bawah ceraian (3) dari bab itu ;

(*h*) prosedur bagi menerima dan melupuskan wang yang terhutang kepada pekerja yang telah mati oleh majikan mereka di bawah bab 26 ;

(*i*) cara bagaimana jaminan hendak diberikan di bawah ceraian (2) dari bab 27 ;

(*j*) prosedur untuk diikuti dalam penyiasatan atau siasatan di bawah bab 29 ;

(*k*) bentuk dan cara bagaimana memorandam persetujuan dikemukakan dan direkodkan di bawah bab 30 ;

(*l*) bayaran di bawah ceraian (5) dari bab 32 ;

(*m*) prosedùr bagi seseorang penimbangtara memilih orang-orang yang mempunyai pengetahuan khas untuk membantunya di bawah bab 35 ;

(*n*) jadual kos yang mungkin dibenarkan bagi prosiding di bawah Akta ini di hadapan seseorang penimbangtara di bawah bab 40 ;

(*o*) prosedur bagi pemindahan wang keluar dari Negara Brunei Darussalam dan bagi penerimaan wang ke dalam Negara Brunei Darussalam di bawah bab 45 ;

(*p*) pemindahan sebarang wang yang dipegang oleh Pesuruhjaya atau bagi penerimaan dan pentadbiran oleh Pesuruhjaya sebarang wang yang boleh digunakan untuk faedah seseorang yang bermastautin atau hendak bermastautin di mana-mana wilayah yang dikenakan bab 45 atau Negara Brunei Darussalam masing-masing ;

(*q*) perwakilan dalam prosiding di hadapan seseorang penimbangtara pihak-pihak yang tertakluk kepada kehilangan upaya di sisi undang-undang atau tidak dapat hadir sendiri kerana sebab-sebab lain ;

(*r*) bantuan guaman kepada pekerja dalam kes-kes yang rumit ;

(*s*) penyenggaraan oleh Pesuruhjaya dan oleh penimbangtara akan daftar-daftar dan rekod-rekod prosiding di hadapan mereka ;

(*t*) cara bagaimana Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka dan menjalankan kuasa-kuasa mereka dan khasnya pemindahan bagi pelupusan

atau laporan oleh mana-mana Timbalan Pesuruhjaya atau Penolong Pesuruhjaya atau kepada Pesuruhjaya akan sebarang perkara atau kes yang belum lagi diputuskan dan sebarang wang yang dideposit berhubung dengannya ;

(*u*) penahanan oleh Pesuruhjaya, ke semuanya atau sebahagiannya, bayaran berkala sementara menunggu keputusan suatu permohonan untuk mengkaji semula bayaran itu ;

(*v*) menetapkan sebarang perkara yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan.

## JADUAL PERTAMA

**(Bab 3 dan Jadual Ketiga)**

### KECEDERAAN YANG DIANGGAP MENGAKIBATKAN KETIADAUPAYAAN KEKAL

| Butiran | Kecederaan | Peratus kehilangan daya pendapatan |
|---|---|---|
| 1. | Kehilangan dua anggota badan | 100 |
| 2. | Kehilangan kedua belah tangan atau semua jari dan kedua belah ibu jari | 100 |
| 3. | Kehilangan kedua belah kaki | 100 |
| 4. | Kehilangan penglihatan langsung, termasuk kehilangan penglihatan setakat yang menyebabkan pihak menuntut tidak dapat melaksanakan sebarang kerja di mana penglihatan adalah begitu penting | 100 |
| 5. | Lumpuh langsung | 100 |
| 6. | Kecederaan yang mengakibatkan terlantar buat selama-lamanya | 100 |
| 7. | Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan ketiadaupayaan langsung kekal | 100 |
| 8. | Kehilangan lengan pada bahagian bahu | 75 |
| 9. | Kehilangan lengan antara siku dan bahu | 70 |
| 10. | Kehilangan lengan pada bahagian siku | 70 |
| 11. | Kehilangan lengan antara pergelangan tangan dan siku | 60 |
| 12. | Kehilangan tangan pada bahagian pergelangan tangan | 60 |
| 13. | Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan | 50 |
| 14. | Kehilangan empat jari | 40 |
| 15. | Kehilangan ibu jari — | |
| | kedua ruas | 35 |
| | satu ruas | 10 |
| 16. | Kehilangan jari telunjuk — | |
| | tiga ruas | 10 |
| | dua ruas | 8 |
| | satu ruas | 4 |
| 17. | Kehilangan jari hantu — | |
| | tiga ruas | 6 |
| | dua ruas | 4 |
| | satu ruas | 2 |
| 18. | Kehilangan jari manis — | |
| | tiga ruas | 5 |
| | dua ruas | 4 |
| | satu ruas | 2 |

| Butiran | Kecederaan | Peratus kehilangan daya pendapatan |
|---|---|---|
| 19. | Kehilangan jari kelingking — | |
| | tiga ruas | 5 |
| | dua ruas | 3 |
| | satu ruas | 2 |
| 20. | Kehilangan tulang kemburan — | |
| | pertama atau kedua (tambahan) | 3 |
| | ketiga, keempat atau kelima (tambahan) | 2 |
| 21. | Kehilangan kaki — | |
| | pada bahagian atau di atas lutut | 70 |
| | di bawah lutut | 50 |
| 22. | Kehilangan sebelah kaki — | 40 |
| 23. | Kehilangan jari kaki — | |
| | semua jari sebelah kaki | 20 |
| | ibu jari kaki, kedua-dua ruas | 10 |
| | ibu jari kaki, satu ruas | 2 |
| | selain dari ibu jari kaki, jika lebih dari satu jari kaki hilang, tiap-tiap satu | 1 |
| 24. | Kehilangan penglihatan sebelah mata | 30 |
| 25. | Kehilangan pendengaran, sebelah telinga | 20 |
| 26. | Kehilangan pendengaran langsung | 50 |

Nota —

(1) Kehilangan langsung kekal kegunaan suatu anggota hendaklah disifatkan sebagai kehilangan anggota itu.

(2) Jika terdapat kehilangan dua bahagian tangan atau lebih, peratus hendaklah tidak melebihi dari kehilangan seluruh tangan.

(3) Kehilangan lengan, kaki atau mata yang masih ada jika yang sebelah telah pun hilang, hendaklah baki antara pampasan kerana ketiadaupayaan langsung dan pampasan yang telah pun dibayar, atau yang sepatutnya dibayar, kerana kehilangan anggota badan atau mata yang dahulu.

(4) Jika berlaku suatu pertikaian atau pertelingkahan di antara pengamal-pengamal perubatan berdaftar yang mewakili mana-mana pihak yang berkepentingan tentang peratus kehilangan daya pendapatan berkenaan dengan pampasan pekerja, Pesuruhjaya boleh merujukkan pertikaian atau pertelingkahan itu kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan Kerajaan atau kepada mana-mana pengamal perubatan Kerajaan yang dilantik bagi maksud itu oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan, yang penilaiannya mengenainya adalah muktamad.

## JADUAL KEDUA

**(Bab 5)**

## PENYAKIT PEKERJAAN

| Perihal penyakit atau kecederaan pekerjaan | Jenis pekerjaan |
|---|---|
| 1. Keracunan oleh : | sebarang pekerjaan yang melibatkan : |
| (1) plumbum, aloi atau sebatiannya dan keadaan berikutan dengannya | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada wasap, habuk atau wap, plumbum atau sebatian plumbum, atau suatu bahan yang mengandungi plumbum. |
| (2) fosforus atau sebatiannya, dan keadaan berikutan dengannya | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada wasap, habuk atau wap, fosforus atau suatu sebatian fosforus, atau suatu bahan yang mengandungi fosforus. |
| (3) arsenik atau sebatiannya, dan keadaan berikutan dengannya | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada wasap, habuk atau wap, arsenik atau suatu sebatian arsenik, atau suatu bahan yang mengandungi arsenik atau terdedah kepada sebarang larutan yang mengandungi arsenik atau sebatian arsenik. |
| (4) raksa, amalgam dan sebatiannya dan keadaan berikutan dengannya | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada wasap, habuk atau wap, raksa atau suatu sebatian raksa, atau suatu bahan yang mengandungi raksa. |
| (5) Karbon bisulfida | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada wasap atau wap, karbon bisulfida, atau suatu sebatian karbon bisulfida, atau suatu bahan yang mengandungi karbon bisulfida. |

| | | |
|---|---|---|
| (6) | benzena atau homolognya, terbitan nitro dan amidonya dan keadaan berikutan dengannya | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada wasap, atau wap yang mengandungi benzena atau sebarang homolognya. |
| (7) | Mangan | penggunaan atau pengendalian mangan atau bahan-bahan yang mengandungi mangan. |
| (8) | Fosfat organik | penggunaan atau pengendalian fosfat organik untuk memusnahkan binatang perosak atau serangga. |
| (9) | Wasap nitrus | penggunaan atau pengendalian asid nitrik atau terdedah kepada wasap nitrus. |
| (10) | Kayu rengas | pengolahan kayu rengas atau sebarang proses dalam atau yang bersampingan dengan pengilangan benda-benda darinya. |
| (11) | Gas karbon monoksida | sebarang proses yang melibatkan penggunaan :<br>(i) dinamit dan ubat bedil untuk ledakan di dalam kolong bawah tanah ;<br>(ii) gas bercahaya ;<br>(iii) gas kuasa atau pengeluar ;<br>(iv) relau bagas, relau dan dapur untuk membakar arang, kok dan bahan api lain ;<br>(v) enjin gas. |
| (12) | Gas karbon dioksida | sebarang proses yang melibatkan ledakan, pengilangan air galian, penapaian di dalam kilang bir dan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | pembentukan kapur di dalam tanur kapur. |
| | (13) | Halogen terbitan hidrokarbon dari siri alifatik | sebarang proses yang melibatkan penghasilan, pembebasan atau penggunaan halogen terbitan hidrokarbon dari siri alifatik. |
| 2. | | Antraks | sebarang pekerjaan yang melibatkan : pengendalian bulu, rambut, bulu kejur, belulang atau kulit atau hasil atau sisa lain dari binatang, atau sentuhan dengan binatang yang dijangkiti antraks, atau pemuatan, pemunggahan atau pengangkutan dagangan. |
| 3. | | Glander | sentuhan dengan binatang ekuin atau bangkainya. |
| 4. | | Jangkitan oleh leptospora ictero haemorrhagiae | bekerja di tempat-tempat yang dipenuhi tikus. |
| 5. | (a) | Ulser pada permukaan kornea mata | |
| | (b) | Ketumbuhan baru setempat pada kulit, papillomatous atau keratotik | penggunaan atau pengendalian, atau terdedah kepada tar, gegala, bitumen, minyak galian (termasuk parafin), jelaga, atau sebarang sebatian, hasil atau sisa sebarang bahan ini. |
| | (c) | Barah epitheliomatous atau ulser pada kulit, dalam sebarang hal kerana tar, gegala, bitumen, minyak galian (termasuk parafin) jelaga atau sebarang sebatian, hasil atau sisa sebarang bahan ini | |
| 6. | | Ulser krom | penggunaan atau pengendalian asid kromik, kromat atau bikromat dari amonium kalium, zink, |

| | | |
|---|---|---|
| | | atau natrium, atau sebarang sediaan atau larutan yang mengandungi sebarang bahan itu. |
| 7. | Radang, ulser atau penyakit berbahaya pada kulit atau tisu subkutis atau pada tulang, atau leukemia, atau anemia dari jenis aplastik kerana sinar-X, zarah mengion, radium atau bahan-bahan radioaktif lain | terdedah kepada sinar-X, zarah mengion, radium, atau bahan-bahan radioaktif lain atau bentuk lain tenaga sinaran. |
| 8. | Demam kuning toksik | penggunaan atau pengendalian tetraklorethan atau nitro atau amino-terbitan dari benzena, atau bahan-bahan beracun lain. |
| 9. | Rabun mata kerana terdedah kepada kesilauan atau sinar dari, kaca lebur atau logam lebur atau lebur atau logam-logam merah-panas | terdedah dengan kerap atau lama kepada kesilauan, atau sinar dari kaca lebur atau logam merah-panas |
| 10. | Selulitis subkutis atau bursitis tenat yang terjadi pada lutut atau dekat lutut (Lutut denyut) | perburuhan kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada lutut atau dekat lutut. |
| 11. | Selulitis subkutis pada tangan (Tangan denyut) | perburuhan kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada tangan. |
| 12. | Selulitis subkutis atau bursitis tenat yang terjadi pada siku atau dekat siku | perburuhan kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat pada siku atau dekat siku. |
| 13. | Radang selaput sinovial pada sendi pergelangan tangan dan sarung tendon | perburuhan kasar, atau pergerakan tangan atau pergelangan tangan yang kerap atau berulang. |
| 14. | Kejang telegrafis | penggunaan alat telegrafis Morse-key bagi tempoh yang lama. |
| 15. | Penyakit udara mampat atau keadaan berikutan dengannya | sebarang pekerjaan atau proses yang dijalankan dalam udara mampat |

| | | |
|---|---|---|
| 16. | Tuberkulosis | sebarang pekerjaan yang melibatkan perhubungan yang rapat dan kerap dengan suatu punca atau punca-punca jangkitan tuberkulosis kerana bekerja :—<br><br>(a) dalam rawatan perubatan atau penjagaan seseorang atau orang-orang yang mengidap tuberkulosis, atau dalam suatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan atau penjagaan itu ;<br><br>(b) dalam merawat seseorang atau orang-orang yang mengidap tuberkulosis, jika keperluan bagi rawatan itu timbul kerana kelemahan fizikal atau mental ;<br><br>(c) sebagai seorang pekerja penyelidikan yang terlibat dalam penyelidikan berkaitan dengan tuberkulosis ;<br><br>(d) sebagai seorang pekerja makmal, ahli patologi atau pekerja post-mortem, jika pekerjaan itu melibatkan kerja dengan benda yang menjadi punca jangkitan tuberkulosis, atau dalam sebarang pekerjaan yang bersampingan dengan penggajian itu. |
| 17. | Silikosis dengan atau tanpa tuberkulosis pulmonari : Dengan syarat bahawa silikosis adalah faktor penting pada menyebabkan keupayaan atau kematian. | Sebarang pekerjaan yang melibatkan penyedutan zarah halus dari silika yang dikeluarkan melalui proses perindustrian misalnya, penghancuran granit, peletupan pasir, pencanaian koalin, pengerjaan seramik. |

| | | |
|---|---|---|
| 18. | Asbestosis | Sebarang pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada habuk asbestos. |

## JADUAL KETIGA

**(Bab 8)**

## JUMLAH PAMPASAN YANG KENA DIBAYAR

1. Jika kematian berpunca dari kecederaan —

(*a*) jika pekerja itu meninggalkan mana-mana tanggungan yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatannya maka jumlah pampasan adalah wang pukal yang bersamaan dengan pendapatan selama 48 bulan atau $28,800, mengikut mana yang kurang :

Dengan syarat bahawa pampasan itu hendaklah tidak kurang dari $9,600 ;

(*b*) Jika berkaitan dengan kemalangan yang sama pampasan telah dibayar di bawah peruntukan-peruntukan perenggan 2, sebarang jumlah wang yang dibayar demikian sebagai pampasan hendaklah dipotong dari jumlah wang yang kena dibayar di bawah perenggan ini.

(*c*) Jika pekerja itu tidak meninggalkan mana-mana tanggungan yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatannya, tetapi meninggalkan mana-mana tanggungan yang bergantung sebahagiannya, maka jumlah pampasan adalah suatu jumlah wang yang tidak melebihi dalam sebarang hal dari jumlah yang kena dibayar di bawah perenggan kecil (*a*) sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya sebagai munasabah dan berkadaran dengan kecederaan kepada tanggungan-tanggungan tersebut.

(*d*) Perbelanjaan yang munasabah bagi pengkebumian pekerja yang telah mati itu dan perbelanjaan yang munasabah bagi rawatan perubatan ke atas pekerja yang telah mati itu, yang ke semuanya tidak melebihi dari suatu jumlah wang sebagaimana yang mungkin ditetapkan, hendaklah dibayar oleh majikan.

2. Jika ketiadaupayaan kekal berpunca dari kecederaan —

(*a*) Jika ketiadaupayaan kekal itu adalah langsung, maka jumlah pampasan adalah wang pukal yang bersamaan dengan pendapatan selama 60 bulan atau $36,000, mengikut mana yang kurang :

Dengan syarat bahawa pampasan itu hendaklah tidak kurang dari $12,000 :

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika ketiadaupayaan langsung kekal yang berpunca dari suatu kecederaan bersifat sedemikian rupa sehingga pekerja itu tidak dapat melaksanakan tindakan kehidupan yang asasi tanpa perhatian terus-menerus orang lain, maka pampasan tambahan hendaklah dibayar berjumlah satu perempat dari jumlah yang mungkin dengan cara lain kena dibayar di bawah perenggan kecil ini.

(*b*) Jika ketiadaupayaan kekal itu adalah separa, maka jumlah pampasan adalah wang pukal yang bersamaan dengan peratus pampasan yang sepatutnya kena dibayar dalam hal ketiadaupayaan langsung kekal yang berkadaran dengan kehilangan kekal daya pendapatan yang disebabkan oleh kecederaan :

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu kecederaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta ini pampasan yang kena dibayar hendaklah tidak kurang dari peratus pampasan yang sepatutnya kena dibayar dalam hal ketiadaupayaan langsung kekal sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya yang berupa peratus kehilangan daya pendapatan yang disebabkan oleh kecederaan itu.

(*c*) Jika lebih dari satu kecederaan disebabkan oleh kemalangan yang sama dan mengakibatkan ketiadaupayaan kekal, maka jumlah pampasan yang kena dibayar berkaitan dengan semua kecederaan itu hendaklah disatukan tetapi tidak melebihi dalam sebarang hal dari jumlah yang sepatutnya kena dibayar berkaitan dengan ketiadaupayaan langsung kekal.

3. (*a*) Jika ketiadaupayaan sementara, sama ada langsung atau separa, berpunca dari kecederaan, maka pampasan adalah bayaran berkala yang bersamaan dengan, pada suatu kadar yang nisbahnya, baki antara dua pertiga dari pendapatan bulanan yang diperolehi oleh pekerja itu pada masa kemalangan atau $400, mengikut mana yang kurang, dan pendapatan bulanan

yang diperolehinya atau pada pendapat Pesuruhjaya mampu diperolehinya dalam sesuatu pekerjaan atau perniagaan yang sesuai selepas kemalangan.

(*b*) Bagi maksud perenggan ini suatu tempoh tidak hadir bekerja yang diperakui sebagai perlu oleh seseorang pengamal perubatan hendaklah dianggap sebagai tempoh ketiadaupayaan sementara langsung tanpa mengendahkan akibat kemalangan.

(*c*) Bayaran berkala di bawah perenggan ini hendaklah kena dibayar pada hari yang sama sebagaimana gaji sepatutnya kena dibayar kepada pekerja jika dia terus digaji di bawah kontrak pekerjaan yang di bawahnya dia digaji pada masa kemalangan :

Dengan syarat bahawa —

(i) dengan persetujuan atau dengan perintah Pesuruhjaya bayaran berkala boleh dibuat pada selangan waktu yang lebih pendek ; dan

(ii) selangan waktu antara bayaran berkala hendaklah tidak melebihi dari satu bulan.

(*d*) Jika ketiadaupayaan terhenti sebelum tarikh sebarang bayaran berkala kena dibayar, maka hendaklah kena dibayar berkaitan dengan tempoh itu sejumlah wang yang berkadaran dengan jangka masa ketiadaupayaan dalam tempoh itu.

(*e*) Jika kematian atau ketiadaupayaan kekal berikutan suatu tempoh ketiadaupayaan sementara langsung atau separa yang tidak melebihi dari 12 bulan maka hendaklah tidak dipotong dari wang pukal yang kena dibayar berkaitan dengan kematian atau ketiadaupayaan kekal itu sebarang bayaran berkala yang dibayar atau kena dibayar di bawah perenggan ini.

(*f*) Jika kematian atau ketiadaupayaan kekal berikutan suatu tempoh ketiadaupayaan sementara langsung atau separa yang melebihi dari 12 bulan maka hendaklah dipotong dari wang pukal yang kena dibayar berkaitan dengan kematian atau ketiadaupayaan kekal itu sebarang bayaran berkala yang dibayar atau kena dibayar di bawah perenggan ini berkaitan dengan sebarang tempoh yang melebihi dari 12 bulan.

74

## UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

**Peraturan-peraturan di bawah bab 47**

S.40/57
S.99/59

## PERATURAN-PERATURAN PAMPASAN PEKERJA

## SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan-peraturan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran

2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PROSEDUR

3. Notis kemalangan

4. Prosedur mengenai pembayaran kepada atau oleh Pesuruhjaya di bawah bab 26

5. Prosedur apabila menerima aduan lisan

6. Saman hendaklah dalam Borang G dalam Jadual

7. Pengakuan persetujuan

8. Permohonan

9. Pemeriksaan pemohon

10. Pesuruhjaya hendaklah merujukkan aduan kepada majikan

11. Tuntutan lisan kepada majikan

12. Pernyataan hendaklah dikemukakan oleh responden

13. Prosedur jika tanggung rugi dituntut di bawah bab 20 (2). Notis kepada pihak ketiga

14. Prosedur jika tuntutan diterima

15. Kegagalan responden atau pihak ketiga untuk mengemukakan pernyataan

16. Rekod

17. Hak masuk bagi pemeriksaan tempatan

18. Prosedur berhubung dengan pemeriksaan tempatan

19. Prosedur dalam kes-kes yang berkaitan

20. Pembahagian pampasan di antara tanggungan-tanggungan

21. Permohonan kepada penimbangtara

22. Penolakan terus permohonan

23. Siasatan permulaan mengenai permohonan

24. Notis kepada pihak yang bertentangan

25. Penyampaian melalui pos

26. Kegagalan untuk mengemukakan pernyataan

27. Tarikh dan tempat pendengaran

28. Ketidakhadiran pemohon

29. Ketiadaan responden atau pihak ketiga

30. Perintah

31. Pengecualian dari membayar bayaran dan kos

BAHAGIAN III

PEMERIKSAAN PERUBATAN

32. Pekerja tidak dikehendaki supaya patuh kepada pemeriksaan perubatan kecuali menurut peraturan-peraturan

33. Pemeriksaan apabila pekerja dan pengamal perubatan kedua-duanya berada di bangunan

34. Pemeriksaan dalam hal-hal lain

35. Sekatan mengenai bilangan pemeriksaan perubatan

36. Pemeriksaan selepas penggantungan hak untuk mendapat pampasan

37. Pemeriksaan perempuan

BAHAGIAN IV

PENDEPOSITAN PAMPASAN

38. Deposit di bawah bab 10 (1)

39. Penyiaran senarai deposit

40. Prosedur jika tiada pampasan dideposit

41. Deposit di bawah bab 10 (2)

42. Cara bagaimana pampasan boleh dilabur di bawah bab 10

BAHAGIAN V

SIASATAN OLEH MAJIKAN

43. Hak majikan untuk mengemukakan memorandam apabila notis diberikan

BAHAGIAN VI

KEMASUKAN KE HOSPITAL YANG DILULUSKAN DAN KHAS

44. Kos membawa ke sesebuah hospital yang diluluskan

45. Kos membawa ke sesebuah hospital khas

46. Pembayaran bayaran hospital

47. Liabiliti terhadap bayaran berlebihan

BAHAGIAN VII

KAJIAN SEMULA BAYARAN SETENGAH BULAN DAN PENGGANTIANNYA

48. Bila permohonan boleh dibuat tanpa sijil perubatan

49. Prosedur mengenai permohonan bagi kajian semula

50. Prosedur mengenai permohonan bagi penggantian

BAHAGIAN VIII

LANTIKAN WAKIL

51. Bila wakil mesti dilantik

52. Bila wakil baru dilantik

BAHAGIAN IX

PEREKODAN MEMORANDAM PERSETUJUAN

53. Bentuk memorandam di bawah bab 30 (1)

54. Prosedur jika Pesuruhjaya tidak menganggap bahawa dia seharusnya enggan merekodkan memorandam

55. Prosedur jika Pesuruhjaya menganggap dia seharusnya enggan merekodkan memorandam

56. Prosedur apabila enggan merekodkan memorandam

57. Pendaftaran memorandam yang diterima untuk direkodkan

BAHAGIAN X

PENGEMUKAAN PERSOALAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH BAB 41

58. Prosedur dalam mengemukakan sebarang persoalan undang-undang

BAHAGIAN XI

PEMINDAHAN KES

59. Pemindahan kes

BAHAGIAN XII

PEMINDAHAN WANG

60. Permohonan

61. Kos penghantaran boleh ditolak

62. Pesuruhjaya boleh memerintahkan pemindahan pampasan

63. Memorandam kes

64. Memorandam dan pampasan hendaklah dihadapkan kepada pihak berkuasa yang layak

65. Pesuruhjaya hendaklah menerima pampasan yang dipindahkan

66. Peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan hendaklah dikenakan kepada pampasan yang dipindahkan

BAHAGIAN XIII

BAYARAN

67. Bayaran

BAHAGIAN XIV

BORANG-BORANG

68. Borang-borang boleh diubah

*Permulaan kuatkuasa : 1hb April 1957*

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

Gelaran

1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pampasan Pekerja.

Tafsiran

2. Dalam peraturan-peraturan ini —

"Akta" bermakna Akta Pampasan Pekerja ;

"pihak berkuasa pemindah" bermakna mana-mana pihak berkuasa di mana-mana wilayah lain yang dikenakan dengan bab 45 dari Akta tersebut yang memindahkan atau menyebabkan supaya dipindahkan sebarang wang pukal yang diaward di bawah undang-undang berkenaan dengan pampasan pekerja dan boleh digunakan untuk faedah mana-mana orang yang bermastautin atau hendak bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

## BAHAGIAN II

## PROSEDUR

Notis kemalangan

3. Notis kemalangan kepada Pesuruhjaya oleh seseorang majikan sebagaimana yang dikehendaki di bawah bab 13 dari Akta tersebut hendaklah dalam Borang A dalam Jadual.

Prosedur mengenai pembayaran kepada atau oleh pesuruhjaya di bawah bab 26

4. (1) Jika Pesuruhjaya menerima sebarang wang daripada majikan seseorang pekerja yang telah mati di bawah bab 26 dari Akta tersebut, dia hendaklah memberi suatu resit dalam Borang B dalam Jadual bagi jumlah wang itu kepada majikan dan resit itu adalah pelepasan yang mencukupi terhadap liabiliti majikan untuk membayar wang itu.

(2) Pesuruhjaya apabila membayar sebarang wang yang diterima olehnya di bawah perenggan (1) kepada mana-mana orang yang disebutkan dalam bab tersebut hendaklah mendapatkan daripada orang itu suatu resit dalam Borang C dalam Jadual.

Prosedur apabila menerima aduan lisan

5. Apabila mana-mana orang menyatakan secara lisan kepada Pesuruhjaya bahawa dia telah tercedera dalam suatu kemalangan semasa menjalankan pekerjaannya dan mengadu bahawa dia belum dibayar pam-

pasan oleh majikannya, atau bertanya pampasan apakah yang berhak diterimanya, atau apabila tanggungan mana-mana orang yang telah mati akibat dari kemalangan tersebut membuat suatu laporan, aduan atau pertanyaan yang sama, Pesuruhjaya hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan (1) peraturan 40, mengubah pernyataan, aduan atau pertanyaan itu kepada tulisan dengan mengisikan Borang D, E, atau F yang bersesuaian, mengikut mana yang berkenaan, atau dalam borang lain sebagaimana yang difikirkannya patut, dan orang itu hendaklah menandatanganinya dan hendaklah selanjutnya menandatangani suatu perakuan yang bermaksud bahawa fakta-fakta yang direkodkan oleh Pesuruhjaya, yang akan dibacakan kepadanya, adalah betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya.

Saman hendaklah dalam Borang G dalam jadual

6. Suatu saman yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara di bawah bab 37 dari Akta tersebut hendaklah dalam Borang G dalam Jadual.

Pengakuan persetujuan

7. Apabila suatu persetujuan dicapai di bawah ceraian (1) bab 30 dari Akta tersebut Pesuruhjaya dan pekerja dan majikan yang berkenaan hendaklah menandatangani suatu pengakuan persetujuan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (2) bab 32 dari Akta tersebut dalam Borang H, J atau K yang bersesuaian dalam Jadual :

Dengan syarat bahawa, apabila pekerja atau majikan itu tidak hadir, sebarang pernyataan bertulis yang ditandatangani olehnya dan dengan jelas menyatakan bahawa dia menerima persetujuan itu boleh dilampirkan oleh Pesuruhjaya kepada pengakuan itu, yang kemudiannya dianggap telah ditandatangani oleh pekerja atau majikan itu.

Permohonan

8. (1) Sebarang permohonan seperti yang disebutkan dalam ceraian (2) bab 29 dari Akta tersebut boleh dihantar kepada Pesuruhjaya melalui pos berdaftar atau boleh dikemukakan kepadanya dan, jika dikirimkan atau dikemukakan, hendaklah, melainkan jika Pesuruhjaya mengarahkan dengan cara lain dibuat dalam dua salinan dalam Borang D, E atau F yang bersesuaian, mengikut mana yang berkenaan, dan hendaklah ditandatangani oleh pemohon.

(2) Hendaklah dilampirkan kepada tiap-tiap permohonan itu suatu perakuan, yang ditandatangani oleh pemohon, yang bermaksud bahawa pernyataan fakta-fakta yang terkandung dalam permohonan itu adalah betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya.

Pemeriksaan pemohon

9. (1) Apabila menerima permohonan itu, Pesuruhjaya boleh memeriksa pemohon atas sumpah atau boleh menghantar permohonan itu

kepada mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu dan mengarahkan pegawai itu supaya membuat pemeriksaan dan menghadapkan rekodnya kepada Pesuruhjaya.

(2) Isi kandungan sebarang pemeriksaan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah direkodkan mengikut cara yang dipersyaratkan bagi merekod keterangan dalam ceraian (2) bab 37 dari Akta tersebut.

Pesuruhjaya hendaklah merujukkan aduan kepada majikan

10. Pesuruhjaya boleh membuat siasatan secara lisan atau secara bertulis tentang majikan, atau prinsipal di bawah bab 20 dari Akta tersebut (dalam Bahagian ini disebut sebagai "responden"), tentang orang yang membuat suatu pernyataan, aduan atau pertanyaan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 5 atau suatu permohonan di bawah peraturan 8 sama ada majikan atau prinsipal itu menerima sebarang liabiliti, dan siasatan itu hendaklah memberikan butir-butir pernyataan, aduan atau pertanyaan itu dan hendaklah menjadi suatu tuntutan rasmi di bawah bab 12 dari Akta tersebut, dan jika secara bertulis, Pesuruhjaya hendaklah merekodkan tarikh surat dan cara ia dihantar, atau jika secara lisan, Pesuruhjaya hendaklah merekodkan fakta bahawa dia telah melakukannya.

Tuntutan lisan kepada majikan

11. Jika, selepas notis suatu kemalangan telah diberikan menurut bab 13 dari Akta tersebut atau suatu pernyataan, aduan atau pertanyaan telah dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 5 atau suatu permohonan di bawah peraturan 8, responden hadir di hadapan Pesuruhjaya, maka Pesuruhjaya boleh membuat kepadanya secara lisan suatu tuntutan rasmi di bawah bab 12 dari Akta tersebut dan, jika dia membuat tuntutan itu, hendaklah merekodkan fakta bahawa dia telah melakukannya.

Pernyataan hendaklah dikemukakan oleh responden

12. Responden boleh, dan jika dikehendaki demikian oleh Pesuruhjaya hendaklah, dalam masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pesuruhjaya, mengemukakan suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan yang dibangkitkan dalam permohonan itu, dan sebarang pernyataan bertulis itu hendaklah menjadi sebahagian dari rekod.

Prosedur jika tanggung rugi dituntut di bawah bab 20 (2). Notis kepada pihak ketiga

13. Jika responden menuntut bahawa sekiranya pampasan didapatkan kembali daripadanya dia akan berhak di bawah ceraian (2) bab 20 dari Akta tersebut untuk ditanggung rugi oleh seseorang yang bukan suatu pihak kepada kes itu (dalam Bahagian ini disebut sebagai "pihak ketiga") dia hendaklah, dalam masa 10 hari selepas disampaikan dengan salinan permohonan itu, mengemukakan suatu notis tuntutan itu kepada Pesuruhjaya, dan Pesuruhjaya hendaklah selepas itu menyebabkan supaya satu salinan notis tuntutan itu dalam Borang L dalam Jadual disampaikan kepada pihak ketiga, dan boleh, jika difikirkannya patut, memintanya supaya mengemukakan suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan yang dibangkitkan dalam permohonan itu dalam masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pesuruhjaya.

Prosedur jika tuntutan diterima

14. Jika responden atau pihak ketiga menerima tuntutan itu, dia hendaklah memberitahu demikian kepada Pesuruhjaya.

Kegagalan responden atau pihak ketiga untuk mengemukakan pernyataan

15. Jika responden atau pihak ketiga gagal mengemukakan suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan terhadapnya dalam masa yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya, tuntutan itu boleh kemudiannya dirujukkan kepada seseorang penimbangtara untuk diputuskan di bawah ceraian (1) bab 32 dari Akta tersebut.

Rekod

16. Pesuruhjaya hendaklah merekod —

(*a*) semua keputusan yang dibuat olehnya di bawah bab-bab 8, 10, 15 dan 16 dari Akta tersebut ;

(*b*) keizinannya terhadap sebarang persetujuan di bawah bab 17 dari Akta tersebut dan butir-butir persetujuan itu ;

(*c*) keterangan ringkas mengenai sebarang prosiding yang dijalankan olehnya di bawah Akta tersebut dan, sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (2) bab 37 dari Akta tersebut, sebarang keterangan yang didengar olehnya dalam perjalanan prosiding itu ;

(*d*) segala butir yang dikehendaki untuk direkodkan menurut peraturan-peraturan 5, 7, 8, 9 dan 10.

Hak masuk bagi pemeriksaan tempatan

17. Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah perenggan (a) ceraian (5) bab 29 dari Akta tersebut boleh pada bila-bila masa memasuki tempat di mana pekerja itu tercedera, atau di mana pekerja itu biasanya menjalankan kerjanya, bagi maksud membuat suatu pemeriksaan tempatan atau memeriksa mana-mana orang yang mungkin dapat memberi maklumat yang berkaitan dengan prosiding itu :

Dengan syarat bahawa Pesuruhjaya atau pegawai awam itu hendaklah tidak memasuki mana-mana premis sebarang bangunan perindustrian, kecuali dengan kebenaran majikan atau seseorang yang bertanggungjawab secara langsung kepadanya bagi pengurusan bangunan itu dan kebenaran itu tidak boleh ditahan dengan cara yang tidak munasabah.

Prosedur berhubung dengan pemeriksaan tempatan

18. Jika Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah perenggan (a) ceraian (5) bab 29 dari Akta tersebut bermaksud hendak melakukan suatu pemeriksaan tempatan dengan tujuan untuk memeriksa di situ juga hal keadaan bagaimana suatu kemalangan berlaku, dia hendaklah memberi kepada pihak-pihak itu atau wakil-wakil mereka notis mengenai niatnya untuk melakukan pemeriksaan itu, melainkan jika pada pendapatnya perkara itu terdesak sehingga pemberian notis itu tidak dapat dilakukan.

(2) Notis itu boleh diberikan secara lisan atau secara bertulis dan, dalam hal seseorang majikan, boleh diberikan kepada mana-mana orang yang kepadanya notis tuntutan boleh disampaikan di bawah ceraian (5) bab 12 dari Akta tersebut.

(3) Mana-mana pihak, atau wakil mana-mana pihak, boleh menemani Pesuruhjaya pada suatu pemeriksaan tempatan.

19. Jika 2 kes atau lebih yang belum lagi diputuskan di hadapan Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara berbangkit dari kemalangan yang sama dan sebarang isu yang terbabit adalah sama dengan 2 kes atau lebih, kes-kes itu boleh, jika pihak-pihak itu bersetuju, setakat yang berkenaan dengan keterangan yang berkaitan dengan isu itu, disatukan.

Prosedur dalam kes-kes yang berkaitan

20. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah, setakat yang boleh, dikenakan dalam hal sebarang prosiding berkenaan dengan pembahagian pampasan di antara tanggungan-tanggungan seseorang pekerja yang telah mati.

Pembahagian pampasan di antara tanggungan-tanggungan

21. Suatu permohonan kepada seseorang penimbangtara bagi penyelesaian sebarang persoalan di bawah bab 32 dari Akta tersebut hendaklah dalam Borang M-1 atau Borang M-2 dalam Jadual.

Permohonan kepada penimbangtara

22. Penimbangtara boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, menolak terus permohonan itu, jika kerana sebab-sebab yang akan direkodkan, dia berpendapat bahawa tiada terdapat alasan yang mencukupi untuk mengambil tindakan lanjut mengenainya.

Penolakan terus permohonan

23. Jika permohonan itu tidak ditolak di bawah peraturan 22 penimbangtara boleh, kerana sebab-sebab yang akan direkodkan, meminta pemohon supaya mengemukakan keterangan bagi menyokong permohonan itu sebelum memanggil mana-mana pihak lain, dan jika setelah menimbangkan keterangan itu penimbangtara berpendapat bahawa tiada kes bagi pelepasan yang dituntut, dia boleh menolak permohonan itu dengan pernyataan ringkas mengenai sebab-sebabnya berbuat demikian.

Siasatan permulaan mengenai permohonan

24. Jika penimbangtara tidak menolak permohonan itu di bawah peraturan 22 atau 23, dia hendaklah menyebabkan supaya disampaikan kepada responden satu salinan permohonan itu dan boleh, jika difikirkannya patut, memintanya supaya mengemukakan suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan itu dalam masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh penimbangtara.

Notis kepada pihak yang bertentangan

25. Penyampaian notis oleh Pesuruhjaya atau oleh seseorang penimbangtara boleh dibuat melalui pos berdaftar.

Penyampaian melalui pos

Kegagalan untuk mengemukakan pernyataan

26. Jika responden atau pihak ketiga gagal mengemukakan suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan itu terhadapnya dalam masa yang ditetapkan oleh penimbangtara dia boleh dianggap menerima tuntutan itu.

Tarikh dan tempat pendengaran

27. Penimbangtara hendaklah menetapkan suatu tarikh, dan tempat bagi menyelesaikan permohonan itu dan tuntutan bagi tanggung rugi, jika ada, dan menyebabkan supaya notis mengenainya mengikut bentuk dalam Borang N dalam Jadual disampaikan kepada pihak-pihak yang berlainan dengan meminta mereka pada masa itu dan di situ untuk mengemukakan sebarang keterangan yang mereka ingin berikan.

Ketidakhadiran pemohon

28. Jika, pada hari pendengaran atau pada sebarang penangguhan kes, pemohon tidak hadir, kes itu hendaklah ditolak, melainkan jika penimbangtara setelah menerima alasan yang munasabah kerana ketidakhadiran pemohon, atau kerana sebab lain yang mencukupi, memikirkan patut untuk menangguhkan pendengaran pada suatu hari di masa depan atas syarat-syarat tentang kos sebagaimana yang mungkin difikirkan adil oleh penimbangtara.

Ketiadaan responden atau pihak ketiga

29. Jika, pada hari pendengaran atau pada sebarang penangguhan kes, responden atau pihak ketiga tidak hadir, penimbangtara boleh terus mendengar kes itu semasa ketiadaannya, melainkan jika penimbangtara, setelah menerima alasan yang munasabah kerana ketiadaannya, atau kerana sebab lain yang mencukupi, memikirkan patut untuk menangguhkan pendengaran pada suatu hari di masa depan atas syarat-syarat tentang kos sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh penimbangtara.

Perintah

30. (1) Penimbangtara, dalam membuat perintah, hendaklah merekodkan secara ringkas akan keputusannya dan sebab-sebabnya mengambil keputusan itu.

(2) Setelah penimbangtara membuat perintahnya tiada tambahan atau perubahan boleh dibuat terhadap perintah itu selain dari pembetulan salah tulis atau aritmetik yang berbangkit dari sebarang kesilapan atau peninggalan yang tidak disengajakan.

(3) Perintah hendaklah dalam salah satu borang dalam Borang O dalam Jadual.

Pengecualian dari membayar bayaran dan kos

31. Jika seseorang penimbangtara berpuas hati bahawa pemohon tidak dapat, dengan sebab kemiskinan, membayar bayaran atau kos yang ditetapkan dia boleh meremit sebarang atau semua bayaran atau kos itu. Jika kes itu diputuskan untuk faedah pemohon, bayaran atau kos yang ditetapkan yang, sekiranya ia tidak diremit, sepatutnya kena dibayar, boleh dicampurkan kepada kos kes itu dan didapatkan kembali mengikut

cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh penimbangtara dalam perintahnya berkenaan dengan kos.

## BAHAGIAN III

## PEMERIKSAAN PERUBATAN

Pekerja tidak dikehendaki supaya patuh kepada pemeriksaan perubatan kecuali menurut peraturan-peraturan

32. Seseorang pekerja yang dikehendaki di bawah ceraian (2) bab 5 atau di bawah ceraian (1) bab 15 dari Akta tersebut supaya patuh kepada pemeriksaan perubatan adalah terikat untuk berbuat demikian menurut peraturan-peraturan ini dan bukan dengan cara lain.

Pemeriksaan apabila pekerja dan pengamal perubatan kedua-kedua berada di bangunan

33. Apabila seseorang pekerja berada di bangunan majikan dan majikan menawarkan supaya dia diperiksa secara percuma oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar yang juga berada di situ, pekerja itu hendaklah patuh kepada pemeriksaan dengan serta-merta.

Pemeriksaan dalam hal-hal lain

34. Dalam hal-hal yang tidak dikenakan dengan peraturan 33 majikan boleh —

(*a*) menghantar pengamal perubatan berdaftar itu ke tempat di mana pekerja itu bermastautin pada masa itu, dalam hal tersebut pekerja itu hendaklah patuh kepada pemeriksaan perubatan apabila diminta berbuat demikian oleh pengamal perubatan tersebut ; atau

(*b*) menghantar kepada pekerja itu suatu tawaran secara bertulis supaya dia diperiksa secara percuma oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar, dalam hal tersebut pekerja itu hendaklah patuh kepada pemeriksaan perubatan di bangunan majikan atau di tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran itu dan pada masa sebagaimana yang dinyatakan :

Dengan syarat bahawa —

(i) masa yang dinyatakan itu hendaklah tidak antara jam 6 petang dan 8 pagi, kecuali dengan persetujuan nyata pekerja itu ; dan

(ii) dalam hal-hal jika keadaan pekerja itu menyebabkannya tidak mungkin atau tidak dinasihatkan supaya dia meninggalkan tempat di mana dia bermastautin pada masa itu, dia tidaklah dikehendaki supaya patuh kepada pemeriksaan perubatan kecuali di tempat itu.

[Tambahan]

Sekatan mengenai bilangan pemeriksaan perubatan

35. Seseorang pekerja yang menerima bayaran setengah bulan tidaklah dikehendaki supaya patuh kepada pemeriksaan perubatan di tempat lain dari di tempat di mana dia bermastautin pada masa itu lebih dari dua kali pada bulan pertama berikutan dengan kemalangan atau lebih dari sekali pada sebarang bulan yang kemudiannya.

Pemeriksaan selepas peng-gantungan hak untuk mendapat pampasan

36. Jika seseorang pekerja yang haknya untuk mendapat pampasan telah digantung di bawah ceraian (2) atau ceraian (3) bab 15 dari Akta tersebut kemudiannya menawarkan dirinya untuk pemeriksaan perubatan, pemeriksaannya hendaklah dilakukan di bangunan majikan atau di-tempat lain di sekitarnya sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh majikan dan pada suatu masa yang akan ditetapkan oleh majikan iaitu tidak lebih dari 72 jam setelah pekerja itu menawarkan bagi pemeriksaan-nya, kecuali dengan persetujuan nyata pekerja itu.

Pemeriksaan perempuan

37. (1) Tiada perempuan boleh tanpa persetujuannya diperiksa dari segi perubatan oleh seseorang pengamal perubatan lelaki yang berdaftar, kecuali di hadapan perempuan lain.

(2) Tiada perempuan boleh dikehendaki untuk diperiksa dari segi perubatan oleh seseorang pengamal perubatan lelaki yang berdaftar jika dia mendeposit suatu jumlah wang yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan pemeriksaan oleh seseorang pengamal perubatan perempuan yang berdaftar.

## BAHAGIAN IV

## PENDEPOSITAN PAMPASAN

Deposit di bawah bab 10 (1)

38. (1) Seseorang majikan yang mendeposit pampasan dengan Pesuruhjaya di bawah ceraian (1) bab 10 dari Akta tersebut hendaklah memberi dengannya suatu pernyataan dalam Borang P dalam Jadual dan hendaklah diberikan suatu resit dalam Borang B dalam Jadual.

(2) Jika, dalam pernyataan yang disebutkan dalam perenggan (1) majikan menyatakan bahawa dia berhasrat untuk dijadikan suatu pihak kepada prosiding pembahagian, Pesuruhjaya hendaklah, sebelum menguntukkan jumlah wang yang dideposit sebagai pampasan, memberi kepada majikan suatu peluang bagi membuktikan bahawa orang yang dicadangkannya untuk diuntukkan dengan jumlah wang itu adalah bukan tanggungan pekerja yang telah mati itu, atau, mengikut mana yang berkenaan, bahawa tiada seorang pun daripada orang-orang itu adalah tanggungan.

(3) Pernyataan pembayaran yang akan diberikan atas permohonan yang dibuat oleh majikan di bawah ceraian (9) bab 10 dari Akta tersebut hendaklah dalam Borang Q dalam Jadual.

Penyiaran senarai deposit

39. Pesuruhjaya hendaklah menyebabkan supaya dipamerkan di suatu tempat utama di luar pejabatnya, tidak lewat dari hari ke-7 pada tiap-tiap bulan, satu senarai deposit yang betul yang diterima olehnya di bawah ceraian (1) bab 10 dari Akta tersebut pada bulan sebelumnya berserta dengan nama-nama dan alamat-alamat pendeposit dan pekerja yang berkaitan dengan kematiannya deposit itu telah dibuat.

Prosedur jika tiada pampasan dideposit

40. (1) Jika tanggungan seseorang pekerja yang telah mati menuntut bahawa pampasan kena dibayar berkaitan dengan kematian pekerja itu, dan tiada pampasan dideposit menurut ceraian (1) bab 10 dari Akta tersebut berkaitan dengannya, maka tanggungan itu boleh memohon kepada Pesuruhjaya bagi pengeluaran suatu perintah yang menghendaki majikan supaya mendeposit pampasan menurut ceraian tersebut :

Dengan syarat bahawa tiada permohonan itu boleh dilayan melainkan jika pemohon atau, sekiranya tanggungan itu tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam, mana-mana orang yang dipersetujui oleh Pesuruhjaya boleh bertindak bagi pihak tanggungan itu, memperakui dalam permohonan itu bahawa dia telah meminta majikan supaya mendeposit pampasan dan bahawa majikan telah enggan atau tidak berbuat demikian.

(2) Pesuruhjaya hendaklah menyelesaikan permohonan itu menurut peruntukan-peruntukan Bahagian II dari peraturan-peraturan ini :

Dengan syarat bahawa —

(*a*) Pesuruhjaya boleh, pada bila-bila masa, menyebabkan supaya notis diberikan mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut kepada semua atau mana-mana tanggungan pekerja yang telah mati itu yang tidak dimasukkan dalam permohonan itu, menghendaki mereka, jika mereka berhasrat untuk dimasukkan dalam permohonan itu, supaya hadir di hadapannya pada suatu tarikh yang dinyatakan bagi maksud ini ;

(*b*) mana-mana tanggungan yang telah diberi notis itu dan yang gagal hadir dan tidak dimasukkan dalam permohonan itu pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu hendaklah selepas itu tidak dibenarkan menuntut bahawa majikan adalah bertanggungan untuk mendeposit pampasan, melainkan jika dia memuaskan hati Pesuruhjaya bahawa dia telah dihalang kerana

sebarang sebab yang mencukupi dari hadir apabila kes itu dipanggil untuk didengar.

(3) Jika, setelah selesai menjalankan siasatan mengenai permohonan itu, Pesuruhjaya mengeluarkan suatu perintah yang menghendaki majikan supaya mendeposit pampasan menurut ceraian (1) bab 10 dari Akta tersebut, tiada sebarang apa pun dalam perenggan (2) boleh dianggap melarang penguntukan sebarang bahagian jumlah wang yang dideposit sebagai pampasan kepada tanggungan pekerja yang telah mati itu yang tidak dimasukkan dalam permohonan itu.

Deposit di bawah bab 10 (2)

41. Seseorang majikan yang mendeposit pampasan menurut ceraian (2) bab 10 dari Akta tersebut hendaklah memberi dengannya suatu pernyataan dalam Borang R dalam Jadual, dan hendaklah diberi suatu resit dalam Borang B dalam Jadual.

Cara bagaimana pampasan boleh dilabur di bawah bab 10

42. Wang yang akan dilabur di bawah perenggan (a) ceraian (7) bab 10 dari Akta tersebut boleh dibayar kepada kredit suatu akaun yang dipanggil Akaun Pampasan Pekerja Pesuruhjaya.

## BAHAGIAN V

## SIASATAN OLEH MAJIKAN

Hak majikan untuk mengemukakan memorandam apabila notis diberikan

43. (1) Mana-mana majikan yang telah diberi notis kemalangan pada bila-bila masa, dengan tidak menghiraukan fakta bahawa tuntutan terhadap pampasan belum dimulakan berkaitan dengan kemalangan itu, mengemukakan suatu memorandam kepada Pesuruhjaya, yang disokong dengan suatu afidavit yang dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang yang rendah daripadanya yang mengetahui fakta-fakta yang dinyatakan dalam memorandam itu yang mengandungi hasil sebarang penyiasatan atau siasatan yang telah dibuat mengenai hal keadaan atau sebab kemalangan.

(2) Suatu memorandam yang dikemukakan di bawah perenggan (1) hendaklah direkodkan oleh Pesuruhjaya.

## BAHAGIAN VI

## KEMASUKAN KE HOSPITAL YANG DILULUSKAN DAN KHAS

Kos membawa ke sesebuah hospital yang diluluskan

44. Apabila seseorang pengamal perubatan berdaftar yang telah memeriksa seseorang pekerja memperakui di bawah ceraian (1) bab 16 dari Akta tersebut bahawa pekerja itu menghendaki rawatan di sesebuah hospital yang diluluskan, dan apabila pengamal perubatan berdaftar yang menjaga sesebuah hospital yang diluluskan bersetuju untuk memasukkan

pekerja itu ke hospital yang diluluskan itu, majikan pekerja itu hendaklah menyebabkan supaya pekerja itu dibawa ke hospital yang diluluskan itu mengikut cara sebagaimana yang dinasihatkan oleh pengamal perubatan berdaftar yang telah memeriksanya sebagai bersesuaian dengan keadaannya.

Kos membawa ke sesebuah hospital khas

45. Apabila pengamal perubatan berdaftar yang menjaga sesebuah hospital yang diluluskan menasihatkan di bawah ceraian (2) bab 16 dari Akta tersebut supaya seseorang pekerja dimasukkan bagi rawatan ke sesebuah hospital khas, dan apabila pengamal perubatan berdaftar yang menjaga sesebuah hospital khas memperakui di bawah ceraian tersebut bahawa rawatan di hospital itu pada pendapatnya akan memberi faedah kepada pekerja itu dan bersetuju untuk memasukkan pekerja itu ke hospital khas itu, majikan pekerja itu hendaklah menyebabkan supaya pekerja itu dibawa ke hospital khas itu mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh pengamal perubatan berdaftar yang menjaga hospital yang diluluskan itu.

Pembayaran bayaran hospital

46. Majikan seseorang pekerja yang dimasukkan sama ada ke sesebuah hospital yang diluluskan atau khas hendaklah membayar terus kepada Pegawai Perubatan yang menjaga hospital itu segala bayaran dan kos yang dianya bertanggungan di bawah ceraian (3) bab 16 dari Akta tersebut apabila menerima suatu bil bagi bayaran dan kos itu.

Liabiliti terhadap bayaran berlebihan

47. Seseorang pekerja yang dimasukkan sama ada ke sesebuah hospital yang diluluskan atau khas hendaklah, jika hospital itu adalah hospital swasta, bertanggungan untuk membayar sendiri jumlah sebarang bayaran atau kos yang dilakukan di pihaknya yang melebihi dari jumlah maksimum yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat di bawah ceraian (3) bab 16 dari Akta tersebut, dan, jika hospital itu adalah hospital Kerajaan, jumlah berlebihan itu hendaklah dibayar dari tabung awam.

## BAHAGIAN VII

## KAJIAN SEMULA BAYARAN SETENGAH BULAN DAN PENGGANTIANNYA

Bila permohonan boleh dibuat tanpa sijil perubatan

48. Permohonan dalam Borang S dalam Jadual bagi kajian semula bayaran setengah bulan di bawah bab 17 dari Akta tersebut boleh dibuat tanpa disertakan dengan suatu sijil perubatan —

(*a*) oleh majikan, atas alasan bahawa oleh kerana hak terhadap pampasan ditentukan gaji pekerja telah bertambah ;

(*b*) oleh pekerja atas sebarang alasan yang berikut —

(i) bahawa oleh kerana hak terhadap pampasan ditentukan gajinya telah berkurangan ;

(ii) bahawa majikan, setelah mula membayar pampasan, telah berhenti membayarnya, dengan tidak menghiraukan fakta bahawa tiada terdapat perubahan pada keadaan pekerja yang membenarkan penghentiannya ;

(*c*) sama ada oleh majikan atau oleh pekerja, atas alasan bahawa penentuan kadar pampasan yang berkuatkuasa pada masa itu telah diperolehi dengan cara tipuan atau pengaruh yang tidak wajar atau cara lain yang tidak sepatutnya.

Prosedur mengenai permohonan bagi kajian semula

49. Jika, apabila meneliti suatu permohonan bagi kajian semula oleh seseorang majikan di mana pengurangan atau penghentian bayaran setengah bulan dipohonkan, pada pendapat Pesuruhjaya bahawa ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa majikan mempunyai hak terhadap pengurangan atau penghentian itu, dia boleh pada bila-bila masa mengeluarkan suatu perintah yang menahan bayaran setengah bulan ke semuanya atau sebahagiannya sementara menunggu keputusannya mengenai permohonan itu.

Prosedur mengenai permohonan bagi penggantian

50. (1) Apabila di bawah bab 18 dari Akta tersebut sebarang bayaran setengah bulan digantikan dengan wang pukal, wang pukal itu hendaklah, kecuali atas budibicara seseorang penimbangtara, tidak kurang dari jumlah bayaran setengah bulan yang mungkin dengan cara lain kena dibayar kepada pekerja dalam tempoh di mana adalah dianggarkan bahawa kehilangan upaya pekerja akan berterusan, tolak satu perempat peratus dari jumlah itu bagi tiap-tiap bulan yang terkandung dalam tempoh itu :

Dengan syarat bahawa pecahan ringgit yang termasuk dalam wang pukal yang digantikan demikian hendaklah dinaikkan kepada ringgit genap yang terhampir.

(2) Pesuruhjaya hendaklah tidak mempersetujui suatu persetujuan di bawah bab 18 dari Akta tersebut melainkan jika dia menganggap bahawa anggaran tempoh barangkali kehilangan upaya pekerja adalah munasabah.

## BAHAGIAN VIII

## LANTIKAN WAKIL

Bila wakil mesti dilantik

51. Jika mana-mana pihak kepada suatu prosiding belum cukup umur atau tidak dapat hadir, Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara hendaklah melantik seseorang yang layak, yang bersetuju dengan lantikan itu, untuk mewakili pihak itu bagi maksud prosiding tersebut.

Bila wakil baru dilantik

52. Jika Pesuruhjaya atau seseorang penimbangtara menganggap bahawa kepentingan mana-mana pihak yang wakilnya telah dilantik di bawah peraturan 51 tidak dilindungi dengan secukupnya oleh wakil itu, atau jika seseorang yang dilantik untuk bertindak sebagai wakil mati, atau menjadi tidak berupaya untuk bertindak, ataupun dengan cara lain berhenti bertindak sedemikian, Pesuruhjaya atau penimbangtara itu hendaklah melantik bagi menggantikan tempatnya orang lain yang bersetuju dengan lantikan itu.

## BAHAGIAN IX

## PEREKODAN MEMORANDAM PERSETUJUAN

Bentuk memorandam di bawah bab 30 (1)

53. Suatu memorandam di bawah ceraian (1) bab 30 dari Akta tersebut hendaklah sama ada dihantar melalui pos atau diserahkan kepada Pesuruhjaya dan hendaklah, melainkan jika Pesuruhjaya mengarahkan dengan cara lain, dalam dua salinan dan hampir menepati sebagaimana yang dibenarkan oleh hal keadaan kes dengan Borang H, J atau K dalam Jadual.

Prosedur jika Pesuruhjaya tidak menganggap bahawa dia seharusnya enggan merekodkan memorandam

54. (1) Apabila menerima suatu memorandam persetujuan, Pesuruhjaya hendaklah, melainkan jika dia menganggap bahawa ada alasan untuk enggan merekodkan memorandam itu, menetapkan suatu tarikh bagi merekodkannya, dan hendaklah mengeluarkan suatu notis secara bertulis dalam Borang T dalam Jadual kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa jika tiada bantahan dia bercadang untuk merekodkan memorandam itu pada tarikh yang ditetapkan demikian :

Dengan syarat bahawa notis itu boleh disampaikan secara lisan kepada mana-mana pihak yang hadir pada masa apabila notis secara bertulis mungkin dengan cara lain dikeluarkan.

(2) Pada tarikh yang ditetapkan demikian, Pesuruhjaya hendaklah

[Tambahan]

merekodkan memorandam itu melainkan jika, selepas mendengar mana-mana pihak yang hadir dan berhasrat untuk didengar, dia menganggap bahawa ia tidak seharusnya direkodkan :

Dengan syarat bahawa pengeluaran suatu notis di bawah perenggan (1) hendaklah tidak dianggap melarang Pesuruhjaya dari enggan merekodkan memorandam itu pada tarikh yang ditetapkan demikian, walaupun tiada bantahan dibuat oleh mana-mana pihak yang berkenaan.

(3) Jika pada tarikh itu Pesuruhjaya memutuskan bahawa memorandam itu tidak seharusnya direkodkan, dia hendaklah memberitahu pihak-pihak yang hadir mengenai keputusannya dan sebab-sebabnya, dan, jika mana-mana pihak yang berhasrat supaya memorandam itu direkodkan tidak hadir, dia hendaklah mengirimkan maklumat kepada pihak itu dalam Borang U dalam Jadual.

Prosedur jika Pesuruhjaya menganggap dia seharusnya enggan merekodkan memorandam

55. (1) Jika, apabila menerima suatu memorandam persetujuan, Pesuruhjaya menganggap bahawa ada alasan untuk enggan merekodkannya, dia hendaklah menetapkan suatu tarikh untuk mendengar pihak atau pihak-pihak yang berhasrat supaya memorandam itu direkodkan, dan hendaklah memberitahu pihak atau pihak-pihak itu dan, jika difikirkannya patut, mana-mana pihak lain yang berkenaan mengenai tarikh yang ditetapkan demikian dan alasan di mana dia menganggap bahawa memorandam itu tidak seharusnya direkodkan.

(2) Jika pihak-pihak yang hendak diberitahu itu tidak hadir, suatu notis bertulis hendaklah dihantar kepada mereka dalam Borang V dalam Jadual, dan tarikh yang ditetapkan dalam notis itu hendaklah tidak kurang dari 7 hari selepas tarikh ia dikeluarkan.

(3) Jika, pada tarikh yang ditetapkan di bawah perenggan (1), pihak atau pihak-pihak yang berhasrat supaya memorandam itu direkodkan menunjukkan alasan yang mencukupi untuk melakukan tindakan selanjutnya bagi memorandam itu direkodkan, Pesuruhjaya boleh, jika maklumat sudah diberikan kepada semua pihak yang berkenaan, merekodkan persetujuan itu. Jika maklumat belum diberikan kepada semua pihak itu, dia hendaklah melakukan tindakan selanjutnya menurut peraturan 54.

(4) Jika, pada tarikh yang ditetapkan demikian, Pesuruhjaya enggan merekodkan memorandam itu, dia hendaklah menghantar notis dalam Borang V dalam Jadual kepada mana-mana pihak yang tidak menerima maklumat di bawah perenggan (1).

56. (1) Jika dalam sebarang hal Pesuruhjaya enggan merekodkan suatu memorandam persetujuan, dia hendaklah mencatat secara ringkas sebab-sebab dia enggan merekodkannya. — Prosedur apabila enggan merekodkan memorandam

(2) Jika persetujuan itu adalah bagi penebusan bayaran setengah bulan dengan bayaran wang pukal, dan Pesuruhjaya menganggap bahawa memorandam persetujuan itu tidak seharusnya direkodkan dengan sebab jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan dalam persetujuan itu tidak mencukupi, dia hendaklah mencatat anggarannya mengenai tempoh barangkali kehilangan upaya pekerja.

57. Pada merekodkan suatu memorandam di bawah ceraian (1) bab 30 dari Akta tersebut, Pesuruhjaya hendaklah menyebabkannya supaya dimasukkan dalam suatu daftar dalam Borang W dalam Jadual dan menyebabkan supaya suatu pengendorsan dimasukkan di bawah tandatangannya pada salinan memorandam itu untuk disimpan olehnya atas syarat-syarat yang berikut — — Pendaftaran memorandam yang diterima untuk direkodkan

"Memorandam persetujuan ini yang mempunyai Nombor

Bersiri .......... tahun 19 .......... dalam Daftar Bil. ................

telah direkodkan pada hari ini ..............................................

haribulan ................, 19..... .

(Tandatangan) .........................

Pesuruhjaya".

BAHAGIAN X

PENGEMUKAAN PERSOALAN UNDANG-UNDANG
DI BAWAH BAB 41

58. (1) Apabila seseorang penimbangtara mengemukakan sebarang persoalan undang-undang untuk diputuskan oleh seseorang Hakim di bawah ceraian (1) bab 41 dari Akta tersebut, pengemukaan itu hendaklah dalam bentuk suatu kes khas. — Prosedur dalam mengemukakan sebarang persoalan undang-undang

(2) Kes itu hendaklah dalam Borang X dalam Jadual dan hendaklah dibahagikan kepada perenggan-perenggan yang dinomborkan secara berturut-turut, dan hendaklah menyatakan dengan ringkas fakta-fakta

dan merujuk kepada dokumen-dokumen sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk membolehkan Hakim itu memutuskan persoalan undang-undang yang dibangkitkan olehnya.

(3) Kes itu hendaklah ditandatangani oleh penimbangtara itu dan dikirimkan kepada Pendaftar Mahkamah Besar yang berkenaan, yang akan menghantarnya dengan serta-merta kepada seseorang Hakim, yang akan menetapkan hari, jam dan tempat untuk mendengarnya.

(4) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyebabkan supaya notis yang sewajarnya dalam Borang Y dalam Jadual mengenai hari, jam dan tempat yang ditetapkan untuk mendengar kes itu diberikan kepada Pesuruhjaya, yang akan memberi notis dengan serta-merta kepada pihak-pihak itu :

Dengan syarat bahawa pihak-pihak itu hendaklah diberi notis itu tidak kurang dari 14 hari genap sebelum tarikh pendengarannya, melainkan jika Hakim itu menetapkan hari yang lebih awal, dengan persetujuan semua pihak.

(5) Mana-mana pihak adalah berhak, apabila membayar bayaran yang sepatutnya, untuk mendapatkan salinan kes itu daripada Pendaftar.

(6) Mana-mana pihak boleh diwakili oleh peguambela dan peguamcaranya.

(7) Setelah memutuskan persoalan yang dikemukakan kepadanya, Hakim itu hendaklah meremit kes itu dengan memorandam keputusannya kepada penimbangtara itu.

(8) Hakim itu boleh meremit kes itu kepada penimbangtara itu untuk pernyataan semula atau pernyataan selanjutnya.

(9) Kos pendengaran suatu kes hendaklah atas budibicara penimbangtara itu dan hendaklah menjadi sebahagian dari prosiding di hadapan penimbangtara tersebut.

## BAHAGIAN XI

## PEMINDAHAN KES

Pemindahan kes

59. (1) Jika Timbalan Pesuruhjaya atau Penolong Pesuruhjaya berpuashati dengan mana-mana pihak kepada sebarang prosiding di hadapannya bahawa perkara itu dapat dikendalikan dengan lebih mudah lagi oleh mana-mana Timbalan Pesuruhjaya atau Penolong Pesuruhjaya lain atau oleh Pesuruhjaya dia boleh tertakluk kepada sebarang arahan yang

diberikan oleh Pesuruhjaya memerintahkan supaya perkara itu dipindahkan kepada pegawai lain itu sama ada untuk laporan atau untuk penyelesaian, dan jika dia berbuat demikian hendaklah menghantar kepada pegawai lain itu segala dokumen yang berkaitan dengan keputusan perkara itu dan, jika perkara itu dipindahkan untuk penyelesaian, hendaklah juga menghantar mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pesuruhjaya sebarang wang atau sekuriti yang masih ada dalam tangannya atau dipegang olehnya untuk faedah mana-mana pihak kepada prosiding itu.

(2) Pegawai lain itu yang kepadanya sebarang perkara dipindahkan demikian hendaklah menyiasat mengenainya dan —

(*a*) jika perkara itu dipindahkan untuk laporan, menjalankan siasatan sebagaimana yang mungkin diperlukan mengikut hal keadaan bagi membuat laporan itu dan apabila selesai membuat laporan itu hendaklah menghadapkannya kepada pegawai yang telah merujukkan perkara itu kepadanya ; dan

(*b*) jika perkara itu dipindahkan kepadanya untuk penyelesaian meneruskan prosiding itu seolah-olah ia telah dimulakan di hadapannya.

(3) Apabila menerima suatu laporan daripada pegawai yang kepadanya sebarang perkara telah dipindahkan untuk laporan di bawah perenggan (1), pegawai yang merujukkannya hendaklah menentukan supaya perkara yang dirujukkan itu menepati dengan laporan itu.

## BAHAGIAN XII

## PEMINDAHAN WANG

Permohonan

60. Bahagian ini hendaklah dikenakan hanya kepada pemindahan kumpulanwang di antara Negara Brunei Darussalam dan sesebuah negara yang dengannya suatu penyusunan telah dibuat di bawah bab 45 dari Akta tersebut.

Kos penghantaran boleh ditolak

61. Apabila sebarang jumlah wang dihantar oleh mana-mana pihak berkuasa di Negara Brunei Darussalam kepada mana-mana pihak berkuasa yang lain menurut Bahagian ini, kos penghantaran itu boleh ditolak dari jumlah wang yang dihantar demikian.

[Tambahan]

Pesuruhjaya boleh memerintahkan pemindahan pampasan

62. Apabila ke semua atau sebarang bahagian wang pukal yang dideposit dengan Pesuruhjaya untuk bayaran sebagai pampasan di bawah Akta tersebut kena dibayar kepada mana-mana orang atau orang-orang yang bermastautin atau hendak bermastautin di mana-mana negara lain, Pesuruhjaya boleh memerintahkan pemindahan jumlah wang yang kena dibayar demikian ke negara itu.

Memorandam kes

63. Apabila Pesuruhjaya telah memerintahkan pemindahan sebarang jumlah wang di bawah peraturan 62, dia hendaklah menyebabkan supaya disediakan dan hendaklah memperakui dengan tandatangannya suatu memorandam yang mengandungi pernyataan ringkas mengenai fakta-fakta kes, keputusan kes, dan nama dan alamat tiap-tiap orang yang kepadanya bayaran akan dibuat.

Memorandam dan pampasan hendaklah dihadapkan kepada pihak berkuasa yang layak

64. Pesuruhjaya hendaklah menghadapkan memorandam itu dan meremit atau menyebabkan supaya diremit jumlah wang yang dimaksudkan oleh memorandum itu melalui penghantaran yang selamat yang mungkin dianggapnya mudah kepada pihak berkuasa yang dilantik untuk maksud ini bagi negara di mana jumlah wang itu akan dipindahkan, atau jika pihak berkuasa itu belum dilantik, kepada pihak berkuasa sebagaimana yang mungkin diarahkan dengan perintah am atau khas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat, dan hendaklah pada masa yang sama meminta supaya pihak berkuasa yang ditujukan itu —

(*a*) mengaturkan agar pembayaran dibuat menurut arahan yang terkandung dalam memorandam itu ; dan

(*b*) memberi kepadanya suatu laporan mengenai tindakan yang diambil ke atas memorandam itu dan mengembalikan sebarang jumlah wang yang pembayarannya adalah tidak mungkin kerana sebarang sebab.

Pesuruhjaya hendaklah menerima pampasan yang dipindahkan

65. Pesuruhjaya adalah pihak berkuasa yang berkenaan untuk menerima wang daripada pihak-pihak berkuasa pemindah.

66. Semua jumlah wang yang diterima daripada pihak berkuasa pemindah hendaklah dilupuskan setakat yang boleh menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan peraturan-peraturan ini : Peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan hendaklah dikenakan kepada pampasan yang dipindahkan

Dengan syarat bahawa arahan, jika ada, yang diterima daripada pihak berkuasa pemindah tentang cara bagaimana jumlah wang itu harus ditadbir hendaklah dipatuhi.

## BAHAGIAN XIII

## BAYARAN

67. Bayaran yang berikut adalah dengan ini ditetapkan bagi pendengaran di hadapan seseorang penimbangtara dan hendaklah dipungut melalui setem yang dilekatkan pada borang permohonan yang digunakan — Bayaran

permohonan bagi penyelesaian
sebarang persoalan ........................ $5.00

## BAHAGIAN XIV

## BORANG-BORANG

68. Jika borang-borang dalam Jadual tidak berkenaan borang-borang yang serupa dengannya dengan perubahan-perubahan mengikut keperluan keadaan boleh digunakan dalam prosiding di bawah Akta tersebut. Borang-borang boleh diubah

## JADUAL

### Borang A

(Peraturan 3)

### NOTIS KEMALANGAN KEPADA PESURUHJAYA BAGI PAMPASAN PEKERJA OLEH MAJIKAN

Bab 13 dari Akta Pampasan Pekerja (Peng. 74)

Nama Majikan ..........................................................................................

Alamat ..........................................................................................

Industri ..........................................................................................

Nama pekerja yang tercedera ..........................................................

.................................... Umur ..................... Jantina ..........................

Alamat ..............................................................................

Pekerjaan ..........................................................................

Tarikh kemalangan ................... Masa ...............................................

Tempat kemalangan .....................................................................

Perihal kemalangan .....................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

Butir-butir Kecederaan (Bahagian badan yang tercedera, jenis kecederaan, sama ada teruk atau ringan) ..........................................................

..........................................................................................

Nama penanggung insurans (jika ada) ..............................................

..........................................................................................

Adakah mereka diberitahu mengenai kemalangan itu? (Jika tidak, beri sebab-sebabnya) ......................................................................

..........................................................................................

HAL-HAL LAIN

..........................................................................................

Tandatangan Majikan ....................................

Tarikh .......................... 19

Borang B

Bil. ......................

(Peraturan-peraturan 4 (1), 38 dan 41)

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diterima daripada ....................................................................................

wang sebanyak ringgit ...............................................................................

kerana ..........................................................................................................

$.................................................................................................................

Tarikh ........................... 19

.............................................
Pesuruhjaya

---

Borang C

(Peraturan 4 (2))

RESIT

Bagi Wang yang dibayar menurut bab 26 dari Akta Pampasan Pekerja (Peng. 74)

Diterima daripada Pesuruhjaya wang sebanyak $ .....................berkaitan

dengan ........................................................................................................

.....................................................................................................................

Nama dan Alamat Penerima.........................................................................

.....................................................................................................................

Tarikh.......................19..........

........................................................
Tandatangan Penerima

Rujukan :

Borang D

(Peraturan-peraturan 5 dan 8)

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN
PAMPASAN OLEH PEKERJA

Kepada Pesuruhjaya Pampasan Pekerja —

Di antara ..........................................................................................

.................... yang bermastautin di ..........................................................

........................................................................... Pemohon dan .............

yang bermastautin di ........................................ Responden.

Adalah dengan ini dikemukakan bahawa —

1. Pemohon, seorang pekerja yang digaji oleh (seorang kontraktor

dengan) responden pada ............... haribulan ......................19...... telah mendapat kecederaan diri kerana kemalangan yang berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaannya.

Sebab kecederaan adalah* ............................................................

...........................................................................................................

...........................................................................................................

2. Pemohon telah mengalami kecederaan-kecederaan yang berikut, iaitu :

...........................................................................................................

...........................................................................................................

...........................................................................................................

‡ 3. Gaji bulanan simati berjumlah $.................................................

Simati berumur 16 tahun ke bawah / berumur antara 16 dan 18 tahun. / berumur 18 tahun ke atas.

‡ 4. (*a*) Notis kemalangan telah disampaikan pada ...................

haribulan............................19....

(*b*) Notis telah disampaikan dengan seberapa segera yang boleh.

(*c*) Notis kemalangan tidak disampaikan (dalam masa

yang sewajarnya) kerana ......................................

---

* Masukkan di sini secara ringkas dalam bahasa biasa sebab kecederaan.
‡ Potong ayat-ayat yang tidak berkenaan.

* 5. Pemohon berhak dengan sewajarnya untuk menerima —

(*a*) bayaran setengah bulan sebanyak $ ........... mulai

dari ......................... haribulan ...............................19....

hingga ......................................

(*b*) bayaran wang pukal sebanyak $ .................................

6. Pemohon telah mengambil langkah-langkah yang berikut untuk men

dapatkan penyelesaian melalui persetujuan, iaitu .................................
tetapi terbukti mustahil untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang

dipertikaikan kerana ........................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

*Kamu dari itu diminta untuk mendapatkan persetujuan terhadap persoalan-persoalan yang dipertikaikan yang berikut, iaitu —

(*a*) sama ada pemohon adalah seorang pekerja dalam makna Akta tersebut ;

(*b*) sama ada kemalangan berpunca dari pekerjaan pemohon atau semasa pemohon bekerja ;

(*c*) sama ada jumlah pampasan yang dituntut kena dibayar, atau mana-mana bahagian dari jumlah itu ;

(*d*) sama ada responden bertanggungan untuk membayar pampasan yang kena dibayar ;

‡ (*e*)......................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

Tarikh ...................................... 19 ..............

.........................................................
Pemohon

Saya ........................................................ dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa pernyataan fakta-fakta yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Kepada ........................................

beralamat ........................................

Saya dengan ini menghendaki kamu supaya mengemukakan kepada saya, Pesuruhjaya yang bertandatangan di bawah suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan terhadap kamu dalam permohonan di atas dalam masa .............................. hari selepas penyampaiannya kepada kamu.

Dan selanjutnya sila ambil perhatian bahawa jika kamu gagal menghadapkan pernyataan tersebut secara bertulis maka kamu akan dianggap menerima tuntutan tersebut.

Bertarikh pada hari ini ................. haribulan ......................, 19......

.........................................................
Pesuruhjaya

---

* Potong ayat-ayat yang tidak berkenaan.
‡ Sebagaimana yang dikehendaki.

Borang E

(Peraturan-peraturan 5 dan 8)

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN
PAMPASAN OLEH TANGGUNGAN-TANGGUNGAN

Kepada Pesuruhjaya Pampasan Pekerja.

..........................................................................

Di antara ..................................................................................

yang bermastautin di ..............................................................

Pemohon dan ...........................................................................

yang bermastautin di ..............................................................

Responden.

Adalah dengan ini dikemukakan bahawa —

Saya, ........................................................................................
seorang pekerja yang digaji oleh (seorang kontraktor dengan) responden pada...........haribulan...............,19........ telah mendapat kecederaan diri kerana kemalangan yang berpunca dari dan semasa menjalankan pekerjaannya yang mengakibatkan kematiannya................ pada................. haribulan ......................., 19.........

Sebab kecederaan adalah* ..........................................................

.................................................................................................

.................................................................................................

.................................................................................................

2. Pemohon (pemohon-pemohon) adalah tanggungan (tanggungan-tanggungan) si mati iaitu :...........................................................................

.................................................................................................

.................................................................................................

3. Gaji bulanan simati berjumlah $ .......................................................

Simati berumur 16 tahun ke bawah / berumur antara 16 dan 18 tahun. / berumur 18 tahun ke atas.

‡4. (*a*) Notis kemalangan telah disampaikan pada ..................

haribulan................, 19.........

(*b*) Notis telah disampaikan dengan seberapa segera yang boleh.

(*c*) Notis kemalangan tidak disampaikan (dalam masa yang sewajarnya) kerana ......................................................

.........................................................................................

---

*Masukkan di sini secara ringkas dalam bahasa biasa sebab kecederaan.
‡Potong ayat-ayat yang tidak berkenaan.

5. Si mati sebelum kematiannya telah menerima sebagai pampasan wang berjumlah $.................... .

6. Pemohon (pemohon-pemohon) berhak dengan sewajarnya untuk menerima bayaran wang pukal sebanyak $...........

7. Pemohon (pemohon-pemohon) telah meminta responden supaya mendeposit pampasan dan responden enggan / tidak berbuat demikian.

*Kamu dari itu diminta untuk mendapatkan persetujuan terhadap persoalan-persoalan yang dipertikaikan yang berikut, iaitu —

(*a*) sama ada si mati adalah seorang pekerja dalam makna Akta tersebut ;

(*b*) sama ada kemalangan berpunca dari pekerjaan si mati dan semasa si mati bekerja ;

(*c*) sama ada jumlah pampasan yang dituntut kena dibayar, atau mana-mana bahagian dari jumlah itu ;

(*d*) sama ada responden bertanggungan untuk membayar pampasan yang kena dibayar ;

(*e*) sama ada pemohon (pemohon-pemohon) adalah tanggungan (tanggungan-tanggungan) si mati ;

(*f*) bagaimana pampasan, apabila dideposit, harus diagihkan.

‡ (*g*) ..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

* Potong ayat-ayat yang tidak berkenaan.
‡ Sebagaimana yang dikehendaki.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

Tarikh ..........................19..........

..........................................................
Pemohon

Saya................................................ dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa pernyataan fakta-fakta yang terkandung dalam permohonan ini adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

..........................................................
Pemohon

Kepada ..................................

beralamat ..........................................

Saya dengan ini menghendaki kamu supaya mengemukakan kepada saya, Pesuruhjaya yang bertandatangan di bawah suatu pernyataan bertulis berhubung dengan tuntutan terhadap kamu dalam permohonan di atas dalam masa............................hari selepas penyampaiannya kepada kamu.

Dan selanjutnya sila ambil perhatian bahawa jika kamu gagal menghadapkan pernyataan tersebut secara bertulis maka kamu akan dianggap menerima tuntutan tersebut.

Bertarikh pada hari ini ................. haribulan ......................., 19......

..........................................................

Pesuruhjaya

---

Borang F

PERMOHONAN PENGGANTIAN

(Peraturan-peraturan 5 dan 8)

Di bawah bab 18 dari Akta Pampasan Pekerja (Peng. 74)

Kepada Pesuruhjaya Pampasan Pekerja,

